



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

**PROGRAM SEMARAK
KASIH SPM 2.0
JPN SARAWAK
TAHUN 2021
PERNIAGAAN**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2021

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

MATA PELAJARAN ELEKTIF IKHTISAS

(MPEI)

PERNIAGAAN

(3766)

PENGENALAN

Program Semarak Kasih SPM 2021 ini merupakan aktiviti pengisian bagi calon SPM membuat ulangkaji dalam tempoh cuti persekolahan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak mengambil inisiatif melalui modul pengajaran dan pembelajaran ini yang bersifat pembelajaran sendiri dengan berfokus kepada kemahiran, bidang atau topik mengikut mata pelajaran bagi membantu calon SPM menghadapi peperiksaan SPM. Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan sampel item soalan serta format pentaksiran peperiksaan SPM juga disediakan sebagai panduan guru-guru dalam penyediaan soalan di sekolah. Modul ini mengandungi 3 set KERTAS 1 (3766/1) dan 3 set KERTAS 2 (3766/2). Setiap set soalan mempunyai 3 aras yang berbeza iaitu aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Setiap kertas yang dihasilkan adalah mengikut format Kertas Peperiksaan SPM Perniagaan. KERTAS 1 (3766/1) mempunyai 40 soalan aneka pilihan. Manakala, KERTAS 2 (3766/2) mempunyai 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1.	Pengenalan	2
2.	Isi Kandungan	3
3.	Panel Pengubal Modul	4
4.	Penyelaras Unit Teknik & Vokasional	5
5.	Item Soalan	6 - 94
6.	Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	95 – 97
7.	Format Pentaksiran Peperiksaan Spm Perniagaan (3766)	98
8.	Modul Kertas 1: Aras Rendah (Set 1)	99 – 112
9.	Modul Kertas 1: Aras Sederhana (Set 2)	113 – 129
10.	Modul Kertas 1: Aras Tinggi (Set 3)	130 – 143
11.	Modul Kertas 2: Aras Rendah (Set 1)	144 – 149
12.	Modul Kertas 2: Aras Sederhana (Set 2)	150 – 157
13.	Modul Kertas 3: Aras Tinggi (Set 3)	158 - 168
14.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 1: Aras Rendah (Set 1)	169
15.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 1: Aras Sederhana (Set 2)	170
16.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 1: Aras Tinggi (Set 3)	171
17.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 2: Aras Rendah (Set 1)	172 – 181
18.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 2: Aras Sederhana (Set 2)	182 – 190
19.	Panduan Skema Jawapan Modul Kertas 3: Aras Tinggi (Set 3)	191 – 201

DIHASILKAN OLEH

NAMA GURU	SEKOLAH	MODUL
FIONA MALAYA ANAK ROBIN (KETUA MODUL)	SMK KEMENA	MODUL SEMARAK KASIH PERNIAGAAN KERTAS 1 & KERTAS 2 (ARAS RENDAH, ARAS SEDERHANA & ARAS TINGGI)
ANGELIA GOH MEI YING (KETUA JSU & ITEM SOALAN)	SMK RIAM	
MOHAMMAD AMAR BIN SERAIL	SMK MATU	
ILIN ANAK ABING	SMK SONG	
PUI SIAW WEE	SMK ST. MARY, KUCHING	
NUR RAHIMAH BINTI SABRI	SMK PAKU, BAU	
ANNE LEE CHAI PING	SMK DURIN	
STEPHANIE BAUN IBAU	SMK CHUNG HUA (CF) MIRI	
STINA ANAK ANDREW ANGGA	SMK TELANG USAN	
NURUL SHELLA BINTI SULAIMAN	SMK MEDAMIT	
CATHELYNE BUNGA ANAK HENRY AJOL	SMK SUAI	
NORAZAKIAH NIFFER BINTI YAMAN	SMK KUBONG	
MD ZAINAL FAIZ BIN MOHAMAD YUSOP	SMK KABONG	
MUHAMMAD EKHSAN BIN ZULKIFLI	SMK SUNDAR	


PENYELARAS
UNIT PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

NAMA PEGAWAI	JABATAN
SATHI SARAVANA A/L SUBRAMANIAM	SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
SHARON GRACE PHILIP	SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
MOHAMMAD KHAZSRULHAZSMIE BIN HUSAINI	SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
MOHAMAD FATHRI BIN RETHUAN	SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
ZAMRI BIN SAHAAT	SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

ITEM SOALAN



TINGKATAN 4



SOALAN OBJEKTIF

BAB 1

B1T4 : Tujuan Perniagaan (Objektif)

1.1.1 Menerangkan tujuan perniagaan

1. Tujuan utama perniagaan adalah untuk
 - A. meningkatkan taraf hidup
 - B. menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C. memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - D. memastikan operasi jualan berjalan dengan lancar

1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

2. Rajah berikut menunjukkan logo bagi sejenis milikan perniagaan.



Mengapakah milikan perniagaan tersebut menjadi pilihan peniaga baharu?

- A. Mendapat sokongan pengurusan daripada syarikat induk
- B. Menghadapi masalah memilih peniaga yang baik dan berdaya saing
- C. Melibatkan perjanjian dan pembayaran royalty kepada syarikat induk
- D. Menggunakan kreativiti yang terhad dalam mengembangkan perniagaan

1.1.3 Mengklasifikasi perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar

3. Pernyataan berikut merujuk kepada Syarikat Kecantikan Ayu Indah.


Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja Tetap
RM 17 juta	60 orang

Antara berikut, yang manakah menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan tersebut?

- I. Kekangan dalam meningkatkan hasil secara mendadak
- II. Kesukaran mendapatkan pekerja yang berpengalaman
- III. Ketidakpastian pasaran di peringkat global
- IV. Kecairan dalam perniagaan yang rendah
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

1.1.4 Menerang dan menganalisis saiz dan skala perniagaan berdasarkan kriteria tempatan, zon dan kebangsaan.

4. Rajah berikut menunjukkan skala perniagaan.



Antara berikut, yang manakah merujuk kepada X?

- I. Meliputi pasaran di seluruh daerah dalam negeri
- II. Merupakan sejenis perusahaan kecil dan sederhana (PKS)
- III. Membolehkan peniaga menawarkan harga yang lebih berpatutan
- IV. Mempunyai sistem pengedaran barang dan perkhidmatan yang kompleks

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

1.1.5 Menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala serta klasifikasi perniagaan

5. Maklumat berikut menunjukkan pekerjaan Paul, Radzi dan Siva.


Paul	: Pengurus kilang kek lapis
Radzi	: Pengurus ladang kelapa sawit
Siva	: Pengurus Bank Berjaya Berhad

Padankan pekerjaan tersebut mengikut sektor perniagaan yang tepat.

	Paul	Radzi	Siva
A.	Sektor utama	Sektor kedua	Sektor ketiga
B.	Sektor kedua	Sektor ketiga	Sektor utama
C.	Sektor kedua	Sektor utama	Sektor ketiga
D.	Sektor utama	Sektor ketiga	Sektor kedua

1.1.6 Menjelaskan perkembangan perniagaan pada sektor utama, kedua dan ketiga

6. Rajah berikut menunjukkan fokus sektor ekonomi utama di Malaysia.



Bilakah keadaan tersebut berlaku?


- A. 1970-an
- B. 1980-an
- C. 1990-an
- D. Abad ke-21

Skema Objektif Tingkatan 4 (Bab 1)

No Soalan	1	2	3	4	5	6
Jawapan	B	A	A	D	C	C



TINGKATAN 4



SOALAN OBJEKTIF

BAB 2

Topik 1.2.1 Aras tinggi

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan jenis pelepasan cukai

Diberikan kepada syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berasaskan bahan mentah tempatan.

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A. Potongan cukai
- B. Pengecualian cukai
- C. Elaun cukai pelaburan
- D. Elaun pelaburan semula

Topik 1.2.2 Aras rendah

2. Apakah maksud trend mendatar?
- A. Faktor dalaman yang mengalami peningkatan
 - B. Faktor luaran yang mengalami peningkatan
 - C. Faktor dalaman dan luaran yang mengalami penurunan
 - D. Faktor dalaman dan luaran yang tidak mengalami perubahan ketara

Topik 1.2.3 Aras sederhana

3. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan bagi mengawal inflasi?
- I. Meningkatkan kadar faedah
 - II. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - III. Mengurangkan jumlah peluang pekerjaan
 - IV. Mengurangkan pengimportan produk
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

Topik 1.2.4 Aras rendah

4. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan sumber manusia dalaman?
- A. Pekerja mampu membawa idea baharu kepada organisasi
 - B. Pekerja sudah memahami budaya organisasi
 - C. Pekerja mempunyai pengetahuan stereotaip
 - D. Pekerja memerlukan program induksi untuk menyesuaikan diri.

Topik 1.2.5 Aras rendah


5. Apakah akta yang melindungi peniaga daripada isu plagiat dan peniruan produk?
- A. Akta Kontrak 1950
 - B. Akta Syarikat 1965
 - C. Akta Hak Cipta 1987
 - D. Akta persaingan 2010

Skema Objektif Tingkatan 4 (Bab 2)

No Soalan	1	2	3	4	5
Jawapan	C	D	B	B	C



TINGKATAN 4



SOALAN OBJEKTIF

BAB 3

Topik 2.1.1 Aras Rendah

1. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang menerangkan misi?
 - A. Sasaran yang boleh diukur
 - B. Pernyataan maklumat yang lebih khusus
 - C. Penetapan perancangan jangka panjang
 - D. Penjelasan kepada matlamat perniagaan

Topik 2.1.2 Aras Rendah

2. Di manakah sesebuah organisasi bermotifkan untung (OBBU) perlu didaftarkan?
 - A. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - B. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 - C. Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)
 - D. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)

Topik 2.1.3 Aras Sederhana

3. Sesuatu objektif yang hendak dibentuk haruslah bersifat spesifik. Apakah maksud spesifik?
 - A. Jangka masa untuk sesuatu objektif dicapai perlu dinyatakan secara tepat.
 - B. Objektif yang dibentuk perlu dinyatakan dengan jelas dan bersistem
 - C. Objektif yang dibentuk mesti mendatangkan manfaat kepada pemilik
 - D. Objektif yang ditetapkan mestilah dicapai dalam tempoh masa yang diberikan

Topik 2.1.4 Aras Sederhana

4. Encik Zack telah menubuhkan perniagaan kraf tangan di Kuching, Sarawak pada 1 Mei 2017. Apakah visi yang sesuai bagi perniagaan Encik Zack?
 - A. Jualan sebanyak 100 unit bakul rotan sebulan
 - B. Melahirkan pekerja yang mahir membuat bakul rotan
 - C. Menghasilkan pengeluaran sebanyak 200 unit sebulan
 - D. Untuk menjadi sebuah perniagaan kraf tangan yang disegani dan dicontohi

Topik 2.1.5 Aras Tinggi

5. Syarikat AZ menanggung kos tetap sebanyak RM 250 000 dalam pengeluaran basikal. Harga sebuah basikal dijual dengan harga RM 200 manakala kos berubah bagi sebuah basikal ialah RM150. Hitungkan titik pulang modal Syarikat AZ.
- A. 625 buah basikal
 - B. 800 buah basikal
 - C. 2 500 buah basikal
 - D. 5 000 buah basikal

Topik 2.1.6 Aras Sederhana

6. Perniagaan yang gagal mencapai matlamat dan objektif harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah tersebut. Apakah tindakan manakah yang wajar diambil oleh perniagaan?
- A. Menaikkan harga produk
 - B. Menyemak semula objektif
 - C. Pengeluaran perlu dihentikan
 - D. Mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar

Topik 2.1.7 Aras Tinggi

7. Bagaimanakah dasar fiskal dapat mengawal ekonomi negara?
- A. Menggubal Perlembagaan Malaysia
 - B. Mengetatkan syarat menjalankan perniagaan
 - C. Mengubah kadar cukai dan perbelanjaan Kerajaan
 - D. Memberhentikan sesetengah perniagaan di pasaran tempatan

Topik 2.1.8 Aras Sederhana

8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan yang dimiliki oleh Syarikat Dynas untuk mencapai visi perniagaannya?

- I. Menjual barang yang berkualiti rendah pada harga yang tinggi.
- II. Menggunakan kos yang tinggi dalam proses pengeluaran barang
- III. Menggunakan teknologi yang tinggi dan canggih dalam proses pengeluaran
- IV. Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggannya.


- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Skema Objektif Tingkatan 4 (Bab 3)

No Soalan	1	2	3	4	5	6	7	8
Jawapan	D	D	B	D	D	B	C	D



TINGKATAN 4



SOALAN OBJEKTIF

BAB 4


NO	SP (KONSTRUK)	CONTOH SOALAN OBJEKTIF	JAWAPAN	CATATAN (SEKIRANYA ADA)
1	2.2.1 Menjelaskan bahagian-bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.	<p>Antara yang berikut, manakah yang benar tentang struktur organisasi?</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Merupakan komponen utama perancangan startegik II. Dapat digambarkan melalui carta organisasi III. Merujuk kepada visi dan misi sesebuah organisasi IV. Membantu ahli organisasi mengetahui tanggungjawab masing-masing <p>A. I dan II C. II dan IV B. I dan III D. III dan IV</p>	C	
2	2.2.2 Menjelaskan tujuan dan tugas setiap bahagian fungsian.	<p>Pernyataan yang manakah merupakan tujuan bahagian fungsi pentadbiran?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Merancang kewangan organisasi perniagaan B. Menjalankan aktiviti sokongan untuk seluruh organisasi C. Menyelaras aktiviti organisasi bagi mencapai matlamat organisasi D. Merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal demi mencapai matlamat organisasi 	B	
3	2.2.3 Menjelaskan dan mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat untuk mengintegrasikan bahagian fungsian	<p>Encik Ahmad bercadang untuk membuka sebuah restoran makanan laut di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah lebih sesuai ditubuhkan di restoran tersebut?</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Jualan II. Pengeluaran III. Pengagihan IV. Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) <p>A. I dan II C. II dan III B. I dan IV D. III dan IV</p>	A	

4	<p>2.2.4 Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.</p>	<p>Penyataan berikut menunjukkan kelebihan dalam menggunakan teknologi maklumat. Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat?</p> <p>A. Membuat promosi melalui radio dan surat khabar B. Membina laman web untuk memperkenalkan barang C. Menggunakan kapal terbang untuk menghantar barang D. Mengambil lebih ramai pekerja untuk memasarkan barang</p>	B																				
5.	<p>2.2.5 Membezakan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua perniagaan berlainan.</p>	<p>Maklumat di bawah menunjukkan suatu bahagian fungsian di Syarikat Maju Sdn. Bhd. dan Syarikat Jaya Sdn Bhd.</p> <table border="1" data-bbox="544 891 1267 1339"> <thead> <tr> <th>Syarikat Maju Sdn. Bhd</th> <th>Syarikat Jaya Sdn Bhd</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Staf dalam bahagian fungsian ini akan menandatangani kontrak dengan pembekal agar pembekal janji membekal bahan mentah yang berkualiti. </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang program latihan dan pembangunan • Menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh pekerja. </td> </tr> </tbody> </table> <p>Apakah bahagian fungsian kedua-dua syarikat tersebut?</p> <table border="1" data-bbox="539 1420 1275 1760"> <thead> <tr> <th></th> <th>Syarikat Maju Sdn. Bhd.</th> <th>Syarikat Jaya Sdn. Bhd.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A.</td> <td>Pentadbiran</td> <td>Pengurusan</td> </tr> <tr> <td>B.</td> <td>Kewangan</td> <td>Pentadbiran</td> </tr> <tr> <td>C.</td> <td>Pemasaran</td> <td>Perancangan sumber manusia</td> </tr> <tr> <td>D.</td> <td>Pembelian</td> <td>Pengurusan sumber manusia</td> </tr> </tbody> </table>	Syarikat Maju Sdn. Bhd	Syarikat Jaya Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Staf dalam bahagian fungsian ini akan menandatangani kontrak dengan pembekal agar pembekal janji membekal bahan mentah yang berkualiti. 	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang program latihan dan pembangunan • Menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh pekerja. 		Syarikat Maju Sdn. Bhd.	Syarikat Jaya Sdn. Bhd.	A.	Pentadbiran	Pengurusan	B.	Kewangan	Pentadbiran	C.	Pemasaran	Perancangan sumber manusia	D.	Pembelian	Pengurusan sumber manusia	D	
Syarikat Maju Sdn. Bhd	Syarikat Jaya Sdn Bhd																						
<ul style="list-style-type: none"> • Staf dalam bahagian fungsian ini akan menandatangani kontrak dengan pembekal agar pembekal janji membekal bahan mentah yang berkualiti. 	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang program latihan dan pembangunan • Menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh pekerja. 																						
	Syarikat Maju Sdn. Bhd.	Syarikat Jaya Sdn. Bhd.																					
A.	Pentadbiran	Pengurusan																					
B.	Kewangan	Pentadbiran																					
C.	Pemasaran	Perancangan sumber manusia																					
D.	Pembelian	Pengurusan sumber manusia																					

6	2.2.6 Menjelaskan pembangunan produk dan pasaran baharu	Bagaimanakah teknologi boleh membantu sesebuah perniagaan mengembangkan perniagaannya? I Dapat menjimatkan kos II Dapat menjadikan pengeluaran lebih cekap III Membolehkan maklumat diperoleh dengan cepat IV Dapat memastikan keluaran produk sentiasa berkualiti A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV	A	
---	--	---	---	--



TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 1

B1T5 : Pengurusan Sumber Manusia (Objektif)

3.1.1 Menyatakan definisi pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan.

1. Pernyataan yang manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
 - A. Usaha untuk membina imej baik organisasi
 - B. Usaha untuk membangunkan tenaga pekerja dalam organisasi
 - C. Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
 - D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan.

2. Mengapakah pemberian insentif yang munasabah kepada pekerja penting bagi sesebuah organisasi?
 - A. Menaikkan imej organisasi
 - B. Menjamin kesetiaan pekerja
 - C. Meningkatkan kreativiti pekerja
 - D. Mengurangkan risiko di tempat kerja

3.1.3 Mengaplikasikan peranan pengurusan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.

3. Maklumat berikut merujuk kepada peranan pengurusan sumber manusia.

Pekerja-pekerja dikehendaki untuk mencapai hasil kerja yang ditetapkan oleh pengurus dalam organisasi.
--

Kenalpasti jenis peranan pengurusan sumber manusia yang dimaksudkan.

- A. Prestasi pasukan
- B. Latihan peningkatan kemahiran
- C. Pemantapan budaya professional
- D. Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

3.1.4 Menganalisis aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan

4. Pernyataan berikut mengenai Encik Johan.

Encik Johan, seorang pegawai kewangan di sebuah syarikat pencetakan. Beliau telah menggunakan wang syarikat untuk membuat pembayaran yuran persekolahan anaknya yang belajar di kolej swasta.

Tentukan jenis kesalahan yang dilakukan oleh Encik Johan.

- A. Ingkar arahan
- B. Tidak beretika
- C. Pecah amanah
- D. Salah guna aset

3.1.5 Menilai hubung kait antara kemahiran kebolehkerjaan yang perlu dimiliki pekerja dengan kejayaan sesebuah perniagaan.

5. Maklumat berikut menunjukkan kemahiran kebolehkerjaan Samson dan Jayderam.

- Jayderam – menjadi tukang kayu selama 6 tahun
- Samson – lepasan universiti

Apakah kelebihan Jayderam berbanding Samson jika mereka memohon jawatan sebagai penyelia di sebuah kilang pembuatan perabot kayu jati?

- A. Berkelayakan dalam bidang tertentu
- B. Berpengalaman dalam industri tertentu
- C. Berpengalaman dan berpengetahuan luas
- D. Berkemahiran tentang produk dan perkhidmatan

3.1.6 Mencipta satu struktur organisasi dalam sebuah perniagaan.

6. Rajah berikut menunjukkan situasi yang dihadapi oleh Puan Sutinah.

Puan Sutinah, seorang jurujual barang komestik yang telah bertugas selama 25 tahun di sebuah pasaraya. Beliau sentiasa mencapai jumlah jualan barang komestik yang paling tinggi setiap bulan. Tetapi, sejak kebelakangan beliau merasakan kepuasan bekerja telah berkurangan.

Cadangkan bentuk penggajian yang boleh diberikan oleh organisasi tersebut untuk meningkatkan tahap kepuasan Puan Sutinah.


- A. Upah
- B. Elaun
- C. Komisen
- D. Tempat penjagaan anak-anak

Skema Objektif Tingkatan 5 (Bab 1)

No Soalan	1	2	3	4	5	6
Jawapan	B	B	D	C	B	C



TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 2


NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Objektif	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)
1	3.2.1 Menjelaskan tujuan mengurus sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.	<p>Apakah tujuan mengurus stok?</p> <p>A. memastikan stok barangan sentiasa kemas dan tersusun</p> <p>B. memastikan pengurus stok menyelia barangan di dalam stor</p> <p>C. memastikan stok barangan sentiasa sedia ada apabila dikehendaki</p> <p>D. mengelakkan berlakunya kekeliruan terhadap barang yang dijual</p>	C	
2	3.2.2 Menghuraikan prosedur mengurus sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.	<p>Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans dan keselamatan • Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang </div> <p>Prosedur pengurusan tersebut melibatkan sumber</p> <p>A. fizikal</p> <p>B. manusia</p> <p>C. teknologi</p> <p>D. pembiayaan</p>	A	
3	3.2.3 Menjelaskan tujuan mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.	<p>Apakah tujuan usahawan memohon hak cipta terpelihara?</p> <p>A. Mendapatkan kebenaran untuk menjual produk mereka ke luar negara</p> <p>B. Mendapatkan kebenaran untuk memasarkan barangan mereka</p> <p>C. Mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri</p> <p>D. Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka</p>	D	

4	<p>3.2.4 Menghuraikan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.</p>	<p>Mengapakah peniaga harus menguruskan harta intelek dengan baik?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. mengelakkan syarikat daripada ancaman cetak rompak B. menghasilkan keuntungan dalam jangka masa yang singkat C. memastikan kedudukan aset syarikat sentiasa kukuh dan stabil D. memudahkan urusan pengurusan sumber manusia serta sumber bukan manusia 	A	
5	<p>3.2.5 Mengaplikasikan pengetahuan pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi dalam satu perniagaan yang mampan.</p>	<p>Gambar 3 menunjukkan produk yang baharu dilancarkan oleh sebuah syarikat di Malaysia</p> <div data-bbox="608 869 1190 1193" data-label="Image"> </div> <p style="text-align: center;">Gambar 3</p> <p>Bagaimanakah cara syarikat dapat melindungi reka bentuk produk tersebut?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Mendaftar model kereta di bawah Akta Hak cipta 1987 B. Mendaftar paten kereta di bawah akta syarikat 2016 C. Mendaftar reka cipta dengan pendaftar syarikat D. Mendaftar paten kereta dengan MyIPO 	D	

6	3.2.6 Membandingkan kesan pengurusan sumber fizikal dan teknologi dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah organisasi perniagaan.	<p>Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber teknologi PERODUA?</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Peralatan TMK II. Kilang pengekuaran kereta III. Mampatkan reka bentuk kereta IV. Meningkatkan kemahiran terkini dan pengalaman pekerja <ul style="list-style-type: none"> A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV 	D	
13	3.2.7 Membuat rumusan perkaitan di antara pengurusan sumber fizikal dan teknologi dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah organisasi perniagaan.	<p>Kazim Sdn Bhd. Ingin mengemukakan permohonan paten untuk produk baharu yang dicipta olehnya. Agensi kerajaan manakah yang harus dirujuk oleh syarikat itu?</p> <ul style="list-style-type: none"> A. Perbadanan Hak Cipta dan Paten Malaysia B. Perbadanan Harta Intelek Malaysia C. Pejabat Pendaftar Syarikat D. Suruhanjaya Syarikat Malaysia 	B	



TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 3

Topik 3.3.1 Aras Rendah

1. Antara yang berikut, yang manakah merupakan modal bagi sesebuah perniagaan?

- I. Inventori
- II. Usahawan
- III. Tenaga kerja
- IV. Wang Tunai

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Topik 3.3.2 Aras Sederhana

2. Jamal menyimpan sebahagian daripada keuntungan sebagai modal pusingan untuk perniagaan. Apakah jenis pembiayaan yang digunakan oleh Khairul?

- A. Rizab
- B. Jaminan Kredit
- C. Bantuan Modal
- D. Modal Permulaan

Topik 3.3.3 Aras Sederhana

3. Mengapakah peniaga memerlukan sumber pembiayaan luaran?

- A. Memerlukan lebih tunai
- B. Pembelian aset tetap yang mahal
- C. Mengembangkan perniagaan sendiri
- D. Apabila perniagaan memperoleh keuntungan

Topik 3.3.4 Aras Sederhana

4. Apakah kelemahan sumber pembiayaan agensi kerajaan berbanding dengan sumber pembiayaan bank?
- A. Pembiayaan agensi kerajaan memerlukan penjamin
 - B. Pembiayaan agensi kerajaan dikenakan faedah yang tinggi
 - C. Jumlah pinjaman bagi pembiayaan agensi kerajaan adalah kecil
 - D. Pembiayaan agensi kerajaan memerlukan aset tetap sebagai cagaran

Topik 3.3.5 Aras Rendah

5. Apakah langkah pertama yang perlu dilakukan oleh seseorang peniaga yang ingin membuat pinjaman?
- A. Tentukan jumlah pinjaman
 - B. Menyediakan dokumen sokongan
 - C. Mendapatkan khidmat nasihat sokongan
 - D. Menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap

Topik 3.3.6 Aras Tinggi

6. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Encik Azlan.

Encik Azlan ingin memulakan perniagaan berasaskan pertanian iaitu menjalankan perniagaan penanaman cili. Beliau memerlukan modal sebanyak RM 20 000 bagi membeli keperluan dan peralatan untuk menanam cili. Beliau bercadang untuk mendapatkan bantuan pembiayaan daripada agensi kerajaan iaitu daripada pihak Agro Bank.

Berdasarkan situasi berikut, mengapakah Encik Azlan bercadang untuk mendapatkan sumber pembiayaan daripada pihak Agro Bank?


- I. Fokus kepada pembangunan dan perniagaan berkaitan pertanian
 - II. Menawarkan geran insentif dalam bidang sains dan teknologi
 - III. Memberikan jaminan kredit
 - IV. Memberikan pinjaman pada kadar caj perkhidmatan yang rendah kepada para petani
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

Skema Objektif Tingkatan 5 (Bab 3)

No Soalan	1	2	3	4	5	6
Jawapan	B	A	C	C	D	B



TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 4

Topik 3.4.1 Aras rendah

1. Apakah maklumat yang diperoleh melalui Kunci Kira-Kira?
 - A. Untung
 - B. Pendapatan
 - C. Aliran tunai
 - D. Liabiliti

Topik 3.4.2 Aras rendah

2. Antara berikut, aset manakah merupakan aset bukan semasa?
 - A. Perabot
 - B. Tunai
 - C. Inventori
 - D. Akaun belum terima

Topik 3.4.3 Aras sederhana

3. Maklumat berikut berkaitan dengan kepentingan penyata kewangan kepada salah satu pihak yang berkepentingan.

Menggunakan penyata kewangan untuk menilai prestasi perniagaan, membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran, sebagai garis panduan untuk perancangan pengagihan sumber.

Siapakah pihak berkepentingan tersebut?

- A. Pemegang saham
- B. Pihak pengurusan
- C. Pelabur
- D. Pembiaya

Topik 3.4.4 Aras rendah

4. Apakah titik pulang modal?
 - A. Jumlah hasil jualan lebih besar daripada jumlah kos.
 - B. Jumlah hasil jualan lebih rendah daripada jumlah kos
 - C. Jumlah hasil jualan adalah bersamaan dengan jumlah kos
 - D. Jumlah hasil jualan adalah bersamaan dengan jumlah liabiliti

Topik 3.4.5 Aras tinggi

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Berlian Sendirian Berhad.

Encik Fawwaz merupakan pemilik perniagaan Syarikat Berlian Sendirian Berhad. Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, jumlah jualan syarikat ini adalah sebanyak RM200 000, kos jualan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM140 000. Manakala untung bersih adalah sebanyak RM70 000.

Berapakah peratusan margin untung bersih Syarikat Berlian Sendirian Berhad?

- A. 20%
- B. 35%
- C. 50%
- D. 70%

Topik 3.4.6 Aras tinggi

6. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Kawan Sendirian Berhad.

<u>Untung tokokan</u>	25%
<u>Margin untung kasar</u>	10%

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?


- A. Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 25 sen
- B. Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 10 sen
- C. Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 25 sen
- D. Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 10 sen.

Skema Objektif Tingkatan 5 (Bab 4)

No Soalan	1	2	3	4	5	6
Jawapan	D	A	B	C	B	B



TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 5

Topik 4.1.1 Aras sederhana

1. Pernyataan yang manakah merupakan kekuatan diri usahawan dari aspek keupayaan membina jenama.
 - A. Encik Sali sentiasa memastikan pekerja-pekerjanya diraikan dalam majlis penghargaan pada setiap bulan Disember.
 - B. Puan Rohaya sentiasa memastikan komunikasi yang baik bersama-sama stokis dan pengikutnya melalui laman sosial Instagramnya.
 - C. Encik Rahul sentiasa memberikan tumpuan kepada projek penternakan ikan keli yang mula diusahakannya sejak enam bulan yang lalu.
 - D. Cik Sally sentiasa memastikan produk keluaran perniagaannya sentiasa berkualiti dan mengekalkan kepercayaan pengguna-pengguna setia produk keluarannya.

Topik 4.1.2 Aras rendah

2. Apakah stok bergerak pantas?
 - A. Stok yang mengambil masa lama untuk dijual
 - B. Stok yang boleh dijual dalam masa yang cepat
 - C. Stok yang disiapkan dengan cepat
 - D. Stok yang disimpan dalam tempoh yang lama di dalam gudang

Topik 4.1.3 Aras sederhana


3. Bagaimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan membawa kesan positif kepada matlamat peribadi seseorang usahawan?
 - A. Membuka peluang kepada individu atau organisasi perniagaan lain untuk melibatkan diri dalam perniagaan.
 - B. Memberi kebebasan mengurus kehidupan harian diri dan keluarga
 - C. Dapat melaksanakan tanggungjawab sosial perniagaan
 - D. Dapat menghasilkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan pengguna

Skema Objektif Tingkatan 5 (Bab 5)

No Soalan	1	2	3
Jawapan	D	B	B




TINGKATAN 5



SOALAN OBJEKTIF

BAB 6


NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Objektif	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)
1	4.2.1 Mengenal pasti akta - akta berkaitan penubuhan perniagaan. C02: Mentafsir	Akta berikut adalah berkaitan dengan penubuhan sesebuah milikan perniagaan kecuali A. Akta Syarikat 2016 B. Akta Jualan Barang 1957 C. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 D. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012	B	
2	4.2.2 Melaporkan peraturan dan kesan yang mempengaruhi persediaan memulakan perniagaan berdasarkan akta- akta di atas.	Borang manakah yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi memperakui pendaftaran perniagaan? Apakah borang yang perlu digunakan? A. Borang A B. Borang B C. Borang D D. Borang J	C	
3	4.2.3 Menganalisis prosedur penubuhan setiap pemilikan perniagaan sehingga memperoleh sijil pendaftaran perniagaan. (OP3 R)	Rajah berikut menunjukkan maklumat yang perlu dilengkapkan oleh peniaga yang ingin menubuhkan syarikat. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> Borang permohonan pendaftaran sesebuah syarikat (Seksyen 14) </div>  <p>Apakah X dan Y?</p> I. Tataurus Syarikat II. Tatawujud Syarikat III. Maklumat saham syarikat IV. Maklumat penyerah simpan boring A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV	D	

4	4.2.4 Menganalisis tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan.	<p>Apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seseorang peniaga selepas memperoleh sijil pendaftaran perniagaan?</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Mempamerkan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan II. Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 60 hari dari Tarikh penamatan perniagaan III. Memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan sebelum 31 hari selepas pemerbadanan sesebuah syarikat IV. Membuat dan mempamerkan papan tanda <ol style="list-style-type: none"> A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV 	B	
5	4.2.5 Menyatakan dokumen perniagaan yang perlu disimpan dengan lengkap dalam sesebuah perniagaan. (OP1 S)	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan dokumen perniagaan?</p> <ol style="list-style-type: none"> A. Surat bertulis yang menerangkan sebab penubuhan perniagaan B. Surat bercetak yang dihantar oleh peniaga bagi menubuhkan perniagaan C. Surat bertulis yang sah bagi memberikan maklumat tentang urus niaga yang telah berlaku D. Surat bercetak yang menerangkan rancangan strategik perniagaan bagi memaksimumkan keuntungan 	C	
6	4.2.6 Melakukan simulasi penyediaan dan penyimpanan dokumen perniagaan yang dirancang.	<p>Maklumat berikut menunjukkan urus niaga yang telah dilakukan oleh Perniagaan Zara pada 28 Mac 2018.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> <p>Terima cek bernilai RM1700 daripada Kedai Aring</p> </div> <p>Apakah dokumen yang akan dikeluarkan oleh Perniagaan Zara?</p> <ol style="list-style-type: none"> A. Memo B. Resit rasmi C. Nota debit D. Makluman kredit 	B	

7	4.2.7 Menyediakan penyata aliran tunai yang mudah berasaskan dokumen perniagaan yang dirancang. (OP3 S)	<p>Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Aslind.</p> <table border="1" data-bbox="587 349 1136 696"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: right;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Belian barang niaga</td> <td style="text-align: right;">11200</td> </tr> <tr> <td>Jualan barang niaga</td> <td style="text-align: right;">21300</td> </tr> <tr> <td>Bayaran oleh penghutang</td> <td style="text-align: right;">13200</td> </tr> <tr> <td>Gaji pekerja</td> <td style="text-align: right;">1200</td> </tr> <tr> <td>Kadar bayaran</td> <td style="text-align: right;">800</td> </tr> </tbody> </table> <p>Berapakah lebihan atau kekurangan Perniagaan Aslind?</p> <p>A. Kurangan RM5100 B. Kurangan RM17300 C. Lebihan RM21300 D. Lebihan RM23700</p>		RM	Belian barang niaga	11200	Jualan barang niaga	21300	Bayaran oleh penghutang	13200	Gaji pekerja	1200	Kadar bayaran	800	C	
	RM															
Belian barang niaga	11200															
Jualan barang niaga	21300															
Bayaran oleh penghutang	13200															
Gaji pekerja	1200															
Kadar bayaran	800															
8	4.2.8 Menyatakan definisi pemasaran dan jualan.	<p>Antara yang berikut, yang manakah merupakan elemen pemasaran?</p> <p>I. Harga II. Produk III. Situasi IV. Komunikasi</p> <p>A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV</p>	A													
9	4.2.9 Menghuraikan persediaan untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan jualan bagi produk dan perkhidmatan.	<p>Harun menjual kain secara dalam talian dan hanya berhubung dengan pelanggannya melalui media sosial. Apakah cara agihan yang digunakan oleh Harun?</p> <p>A. Menjalankan perniagaan di premis tetap B. Menjalankan perniagaan tanpa premis tetap C. Menjalankan perniagaan menggunakan orang tengah D. Menjalankan perniagaan menggunakan pembeli peribadi</p>	B													





TINGKATAN 5




SOALAN OBJEKTIF

BAB 7

NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Objektif	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)
1	4.3.1 Menyatakan definisi rancangan perniagaan. (OP1 R)	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?</p> <p>A. Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan</p> <p>B. Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan</p> <p>C. Dokumen perniagaan yang menunjukkan urus niaga perniagaan yang telah berlaku</p> <p>D. Dokumen bertulis yang menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi dan objektif perniagaan</p>	B	
2	4.3.2 Menjelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan. (OP1 S)	<p>Antara yang berikut, yang manakah merupakan tujuan rancangan perniagaan disediakan?</p> <p>I. Mencapai objektif perniagaan</p> <p>II. Memohon pinjaman</p> <p>III. Memberi keyakinan kepada bank</p> <p>IV. Memperkenalkan produk yang dikeluarkan</p> <p>A. I dan II</p> <p>B. I dan IV</p> <p>C. II dan III</p> <p>D. III dan IV</p>	C	
3	4.3.3 Menghuraikan format rancangan perniagaan. (OP2 S)	<p>Dalam rancangan operasi, senarai bahan mentah perlu disediakan dengan teliti. Mengapakah perkara tersebut perlu dilakukan?</p> <p>A. Memudahkan kerja</p> <p>B. Mempercepatkan proses</p> <p>C. Mengelakkan berlaku pembaziran</p> <p>D. Memastikan stok bahan mencukupi</p>	C	
4	4.3.4 Menyediakan satu rancangan perniagaan. (OP3 R)	<p>Rajah berikut menunjukkan sebahagian daripada komponen rancangan perniagaan.</p> <div style="text-align: center;">  <pre> graph LR A[Objektif Projek] --> B[Rancangan Pentadbiran] B --> C[Q] C --> D[Rancangan Pemasaran] </pre> </div> <p>Butiran manakah yang terkandung dalam Q?</p> <p>A. Carta organisasi</p> <p>B. Insentif pekerja</p> <p>C. Senarai keperluan pejabat</p> <p>D. Susun atur ruang operasi</p>	D	



TINGKATAN 4



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 1

B1T4 : Tujuan Perniagaan (Subjektif)

1.1.1 Menerangkan tujuan perniagaan

1. Rajah berikut menunjukkan dua jenis organisasi.

	
Organisasi X	Organisasi Y

Jelaskan tujuan utama perniagaan bagi kedua-dua organisasi.

[4 markah]

Tujuan utama perniagaan bagi kedua-dua organisasi ialah ;-

Organisasi X

- Memenuhi keperluan awam
- Membantu golongan yang kurang berkemampuan
- Meningkatkan penglibatan sektor awam dan swasta

Organisasi Y

- Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- Menawarkan barang dan perkhidmatan pada harga yang dipersetujui
- Memaksimumkan keuntungan

1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

2. Maklumat berikut menunjukkan sejenis milikan perniagaan.

KEDAI SALON & SPA SOFEA

Terangkan ciri-ciri milikan perniagaan di atas.

[4 markah]

Ciri-ciri milikan perniagaan di atas ialah;-

- Dimiliki oleh seorang pemilik sahaja
- Semua keputusan dibuat sendiri
- Modal yang kecil – simpanan sendiri / pinjaman daripada keluarga / bank
- Menikmati sepenuhnya keuntungan
- Risiko kerugian ditanggung oleh pemilik sepenuhnya
- Dikenakan cukai pendapatan individu

1.1.3 Mengklasifikasi perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar

3. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Khatyana, pengusaha kilang sos cili.

Puan Khatyana adalah pengusaha kilang sos cili di bandar Kuching. Beliau menghasilkan pelbagai jenis sos cili yang diedarkan melalui pemborong ke seluruh negeri Sarawak. Beliau mempunyai seramai 20 orang pekerja tetap di kilangnya. Jumlah jualan tahunan yang diperoleh Puan Khatyana bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM 890,000.

Kenalpastikan klasifikasi perniagaan Puan Khatyana mengikut saiz dan sektor.

[4 markah]

Klasifikasi perniagaan Puan Khatyana mengikut saiz dan sektor :

- Saiz : Kecil
- Jumlah pekerja tetap : 5 hingga 75 orang
- Jumlah jualan tahunan : RM 300 ribu hingga RM 15 juta
- Sektor : kedua / sekunder
- Melibatkan pemprosesan bahan mentah dari sektor utama
- Menghasilkan barang siap

1.1.4 Menerang dan menganalisis saiz dan skala perniagaan berdasarkan kriteria tempatan, zon dan kebangsaan.

4. Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan bagi Syarikat Supreme Sdn Bhd.

Syarikat Supreme Sdn Bhd merupakan pengeluar pelbagai komponen kereta yang bukan sahaja memasarkan produknya di dalam negara tetapi turut mengeksport produknya ke Eropah.

Pada pendapat anda, mengapakah skala perniagaan tersebut menjadi pilihan kepada Syarikat Supreme Sdn Bhd. Berikan alasan anda. [4 markah]

Skala perniagaan tersebut menjadi pilihan kepada Syarikat Supreme Sdn Bhd kerana

- Menikmati ekonomi bidangan dalam pasaran
- Dapat mengeluarkan produk secara besar-besaran
- Dapat menawarkan harga produk yang lebih rendah kepada pelanggan
- Dapat menguasai pasaran berbanding dengan perniagaan saiz kecil
- Wujud pengkhususan dalam organisasi

1.1.5 Menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala serta klasifikasi perniagaan

5. Rajah berikut menunjukkan milikan perniagaan antara Syarikat BMW Sdn Bhd dan Syarikat GWM Sdn Bhd.



Adakah tindakan tersebut wajar? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

Tindakan wajar. Alasan :

- Membantu perniagaan memperluaskan asas perniagaan
- Dapat memenuhi keperluan kewangan
- Membantu dalam meningkatkan pengeluaran
- Perkongsian kepakaran dan teknologi baharu
- Mudah untuk mendapat bahan mentah
- Risiko perniagaan dapat disebar

Tindakan tidak wajar. Alasan :-

- Mudah berlaku perselisihan faham
- Visi dan misi yang mungkin berbeza – konflik
- Perbezaan budaya dan cara kerja
- Pembahagian liabiliti tidak sama rata
- Memerlukan masa untuk mencapai kesepakatan
- Tindakan operasi perlu melibatkan kedua-dua pihak

1.1.6 Menjelaskan perkembangan perniagaan pada sektor utama, kedua dan ketiga

6. Rajah berikut menunjukkan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.




Jelaskan perkembangan sektor perniagaan tersebut.


[3 markah]

Perkembangan sektor perniagaan yang ditunjukkan :-

- Sektor utama yang berasaskan pertanian dan perlombongan
- Berlakunya sebelum mencapai kemerdekaan dan 1960an
- Menjadi punca pendapatan masyarakat
- Langkah mempelbagaikan ekonomi negara



TINGKATAN 4



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 2

Topik 1.2.1 Aras tinggi

1. Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kesemua jenis barang di dalam pasaran seluruh negara telah mengalami kenaikan harga secara berterusan. Kenaikan harga barang ini telah berlaku sejak dari tahun lepas lagi.

Jelaskan kesan masalah ekonomi di atas kepada rakyat sesebuah negara?

[6 markah]

Topik 1.2.2 Aras sederhana

2. (a) Jelaskan trend perniagaan berikut:

(i). Trend meningkat [2 markah]

(ii). Trend menurun [2 markah]

Topik 1.2.3 Aras sederhana

3. (a) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani jenis pengangguran yang berikut:

(i) Pengangguran struktur [2 markah]

(ii) Pengangguran kitaran [2 markah]

Topik 1.2.4 Aras sederhana

4. Jelaskan faktor luaran yang mampu memberi kekuatan kepada sesebuah organisasi perniagaan.

[4 markah]


Topik 1.2.5 Aras sederhana

5. Jelaskan kesan perubahan persekitaran dari aspek pasaran kepada organisasi perniagaan.


[4 markah]

3	<p>Peranan kerajaan dalam menangani</p> <p>(i) Pengangguran struktur:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan perlu membuat perancangan ekonomi yang sesuai - Khasnya berkaitan dengan pengurusan sumber manusia - Memberi latihan kepada sumber manusia yang selaras dengan trend perubahan semasa dalam perniagaan <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p> <p>(ii) Pengangguran kitaran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pihak kerajaan boleh menggunakan dasar fiskal yang sesuai - Pihak kerajaan juga boleh membuat perubahan kepada dasar kewangan khasnya berkaitan faedah - Bertujuan memastikan aktiviti perniagaan boleh terus beroperasi bagi menangani kemelesetan ekonomi. <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>2m</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>2m</p>
4	<p>Faktor luaran yang mampu memberi kekuatan kepada sesebuah organisasi perniagaan ialah</p> <p>i) Politik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kestabilan politik memberi jaminan kelancaran perjalanan aktiviti organisasi perniagaan. <p>ii) Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Usahawan perlulah peka terhadap perubahan ekonomi tempatan dan antarabangsa semasa membuat perancangan perniagaan. <p>iii) Sosiobudaya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebelum mengeluarkan sesuatu produk, organisasi perniagaan harus mengetahui cita rasa dan gaya hidup masyarakat setempat kerana ianya mampu mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna. <p>iv) Teknologi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Teknologi baharu dapat meningkatkan produktiviti, menjimatkan masa pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran dan sebagainya. <p>v) Ekologi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isu berkaitan alam sekitar yang membawa kesan langsung kepada perniagaan. <p>vi) Undang-undang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelbagai peraturan ditetapkan oleh pihak kerajaan bertujuan untuk memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan dengan adil dan menjamin kepentingan pengguna. <p style="text-align: right;">Markah maksimum = 2m fakta + 2m huraian</p>	<p>1</p> <p>4m</p>

5	<p>Kesan perubahan persekitaran dari aspek pasaran kepada organisasi perniagaan:</p> <p>i) Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna - Kemasukan teknologi komunikasi menjadi semakin canggih dan memberi kesan langsung kepada organisasi perniagaan.</p> <p>ii) Lambakan barang import - Lambakan barang import berlaku kerana kemasukan barang import ke dalam negara tanpa sekatan mengakibatkan pendapatan perniagaan tempatan boleh terjejas.</p> <p>iii) Pembangunan dalam teknologi - Pelbagai teknologi baharu telah dibangunkan untuk memenuhi permintaan pasaran.</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum = 2m fakta + 2m huraian</p>	<p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">4m</p>
---	---	---



TINGKATAN 4



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 3

Topik 2.1.1 Aras Rendah

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkara yang berikut?

- i. Visi
- ii. Misi
- iii. Objektif

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

Topik 2.1.2 Aras Sederhana

2. Gambar 1 menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi X



Organisasi Y

Gambar 1

Jelaskan perbezaan di antara dua jenis organisasi tersebut.

[4 markah]

Topik 2.1.3 Aras Tinggi

3. Maklumat berikut menunjukkan objektif Kedai Bekalan Bahan Bakeri.

- Menjual bekalan bakeri pada harga yang berpatutan
- Mensasarkan jualan harian sebanyak RM 5 000 sehari
- Meningkatkan jualan bahan bekalan bakeri sebanyak 30% menjelang musim perayaan berbanding jualan harian

_Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif di atas?

[7 markah]

Topik 2.1.4 Aras Tinggi

4. Mengapakah sesebuah organisasi perniagaan membuat penetapan misi secara spesifik?
[4 markah]

Topik 2.1.5 Aras Rendah

5. Senaraikan faktor-faktor kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi perniagaannya dalam industri.
[5 markah]

Topik 2.1.6 Aras Sederhana

6. Terangkan jenis-jenis kos yang terlibat perniagaan Kilang Kosmetik Vie Beauty.
[6 markah]

Topik 2.1.7 Aras Sederhana

7. Jelaskan empat faktor luaran yang mempengaruhi objektif perniagaan.
[8 markah]

Topik 2.1.8 Aras Sederhana

8. Maklumat berikut berkaitan dengan visi, misi dan objektif bagi syarikat Petronas.

<p style="text-align: center;">Visi :</p> <p>Untuk menjadi pembekal minyak yang terkemuka di seluruh negara bukan sahaja terkemuka di dalam negara Malaysia, malahan di peringkat antarabangsa</p> <p style="text-align: center;">Misi:</p> <ul style="list-style-type: none">-Menjadi pembekal minyak bersih, paling selamat dan kos yang efektif bagi seluruh masyarakat.-Membangun dan menambahkan nilai kepada sumber kepada negara.-Menjadi daya penggerak kepada pembangunan negara iaitu dari segi ekonomi.-Menjadi sebuah syarikat yang memberikan keuntungan dan pendapatan kepada negara.-Menjadi syarikat yang menyediakan perkhidmatan, jualan yang paling terbaik kepada pelanggan-elanggannya. <p style="text-align: center;">Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none">-Menyumbang kesejahteraan rakyat dan negara.-Sentiasa produktif, efektif dan inovatif dalam melakukan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan oleh pelanggan-pelanggannya.-Menawarkan kualiti kerja yang memberangsangkan bagi mengikut kehendak pelanggan-pelanggan.

- Berdasarkan maklumat berikut, apakah kriteria yang digunakan untuk menilai visi, misi dan objektif perniagaan?
[4 markah]


NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH												
2.1.1 Menyatakan maksud visi, misi dan objektif perniagaan.	<p>Visi: Merupakan penetapan perancangan melibatkan fokus dan perancangan jangka masa panjang</p> <p>Menjadi panduan untuk membuat keputusan dan tindakan bagi memastikan hala tuju perniagaan berada di landasan yang tepat.</p> <p>Misi: Satu pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan atau matlamat perniagaan</p> <p>Menjadi satu ketetapan dalam melaksanakan aktiviti perniagaan untuk mencapai matlamat</p> <p>Objektif: Merupakan pembentukan maklumat yang lebih khusus. Menyokong ketetapan daripada misi dalam usaha mencapai tujuan perniagaan.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6 markah]</p>												
2.1.2 Membanding dan menghuraikan visi, misi dan objektif beberapa perniagaan yang berbeza.	<p>Perbezaan antara organisasi X, Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU) dan organisasi Y, organisasi bermotifkan untung (OBU):</p> <table border="1" data-bbox="485 1144 1129 1854"> <thead> <tr> <th data-bbox="485 1144 667 1178">Aspek</th> <th data-bbox="667 1144 911 1178">OBU</th> <th data-bbox="911 1144 1129 1178">OBBU</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="485 1178 667 1417">Tujuan</td> <td data-bbox="667 1178 911 1417">Memaksimumkan untung [1m]</td> <td data-bbox="911 1178 1129 1417">Memberi kepuasan dan menjaga kebajikan ahli dan masyarakat [1m]</td> </tr> <tr> <td data-bbox="485 1417 667 1686">Aktiviti</td> <td data-bbox="667 1417 911 1686">Mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]</td> <td data-bbox="911 1417 1129 1686">Tertumpu pada aktiviti memberi khidmat kepada masyarakat /kumpulan sasaran [1m]</td> </tr> <tr> <td data-bbox="485 1686 667 1854">Sumber kewangan</td> <td data-bbox="667 1686 911 1854">Daripada pemilik, pinjaman dan keuntungan perniagaan [1m]</td> <td data-bbox="911 1686 1129 1854">Daripada kerajaan, sumbangan dan yuran keahlian [1m]</td> </tr> </tbody> </table>	Aspek	OBU	OBBU	Tujuan	Memaksimumkan untung [1m]	Memberi kepuasan dan menjaga kebajikan ahli dan masyarakat [1m]	Aktiviti	Mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]	Tertumpu pada aktiviti memberi khidmat kepada masyarakat /kumpulan sasaran [1m]	Sumber kewangan	Daripada pemilik, pinjaman dan keuntungan perniagaan [1m]	Daripada kerajaan, sumbangan dan yuran keahlian [1m]	<p>Maks: [4markah]</p>
Aspek	OBU	OBBU												
Tujuan	Memaksimumkan untung [1m]	Memberi kepuasan dan menjaga kebajikan ahli dan masyarakat [1m]												
Aktiviti	Mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]	Tertumpu pada aktiviti memberi khidmat kepada masyarakat /kumpulan sasaran [1m]												
Sumber kewangan	Daripada pemilik, pinjaman dan keuntungan perniagaan [1m]	Daripada kerajaan, sumbangan dan yuran keahlian [1m]												

<p>2.1.3 Menjelaskan ciri - ciri objektif.</p>	<p>Ciri SMART yang terdapat dalam objektif:</p> <p>Boleh diukur [1m] Objektif tersebut boleh diukur secara kuantitatif [1m] Misalnya, mencapai jualan harian sebanyak RM 5 000 [1m]</p> <p>Spesifik [1m] Objektif yang dibentuk perlulah dinyatakan dengan jelas.[1m] Misalnya, menjual barangan bekalan bahan bakeri pada harga yang berpatutan. [1m]</p> <p>Boleh dicapai [1m] Objektif yang dibentuk itu seharusnya boleh dicapai dalam tempoh masa yang diberikan. [1m] Misalnya, meningkatkan jualan bahan bekalan bakeri sebanyak 30% menjelang musim perayaan berbanding jualan harian.[1m]</p> <p>Realistik [1m] Objektif yang dibentuk mesti bersifat praktikal dan boleh dilaksanakan [1m] Kedai Bekalan Bahan Bakeri perlu mempunyai sumber yang mencukupi untuk mencapai objektif perniagaan. [1m]</p>	<p>Maks: [7 Markah]</p>
<p>2.1.4 Menghurai dan menganalisis tujuan penetapan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.</p>	<p>Tujuan sesebuah organisasi perniagaan membuat penetapan misi secara spesifik:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memudahkan pihak pengurusan yang terlibat untuk mengagihkan setiap sumber yang berkaitan [1m] ii. Dijadikan sebagai garis panduan menilai keperluan setiap unit dan bahagian organisasi.[1m] iii. Pengagihan sumber manusia dan sumber fizikal dapat dibuat secara tepat.[1m] iv. Sumber boleh digunakan secara cekap dan berkesan.[1m] 	<p>[4 markah]</p>
<p>2.1.5 Mencipta visi, misi dan objektif bagi sebuah perniagaan tertentu.</p>	<p>Faktor-faktor kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi perniagaannya dalam industri:</p> <p>Pemasaran [1m] Teknologi [1m] Kewangan [1m] Jaringan [1m] Sumber manusia [1m]</p>	<p>[5markah]</p>

<p>2.1.6 Menerang dan menilai kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif kepada perniagaan.</p>	<p>Jenis-jenis kos yang terlibat perniagaan Kilang Kosmetik Vie Beauty:</p> <p>Kos tetap [1m] Kos yang tidak dipengaruhi oleh kuantiti pengeluaran. [1m] Kos ini perlu ditanggung walaupun tidak mempunyai pengeluaran [1m] Contoh, sewa kilang, insurans [1m]</p> <p>Kos berubah [1m] Kos yang dipengaruhi oleh kuantiti pengeluaran [1m] Kos ini tidak wujud apabila tingkat output adalah sifar [1m] Contoh; Upah buruh, kos bahan mentah [1m]</p>	<p>[Maks:6m]</p>
<p>2,1,7 Menjelaskan dan menganalisis faktor yang mempengaruhi keperluan mengubah visi, misi, dan objektif perniagaan.</p>	<p>Empat faktor luaran yang mempengaruhi objektif perniagaan.</p> <p>Faktor luaran merupakan persekitaran umum perniagaan yang boleh memberikan kesan kepada pencapaian visi, misi dan objektif perniagaan. [1m]</p> <p>Ekonomi [1m] Perkembangan ekonomi yang baik menunjukkan pertumbuhan yang baik dan boleh menjadi titik perkembangan yang baik.[1m]</p> <p>Sosiobudaya[1m] Perbezaan sesuatu kaum memberikan manfaat kepada perniagaan kerana dapat mengeluarkan pelbagai jenis produk untuk memenuhi cita rasa setiap budaya.[1m]</p> <p>Teknologi [1m] Teknologi yang canggih dan terkini membolehkan perniagaan lebih cekap, kos operasi perniagaan menjadi lebih murah dan daya pengeluaran dapat ditingkatkan.[1m]</p> <p>Undang-undang[1m] Sesebuah perniagaan hendaklah mematuhi undang-undang dalam sesebuah negara dan dengan adanya undang-undang, aktiviti perniagaan dapat dijalankan dengan selamat dan maju. [1m]</p>	<p>[8 markah]</p>
<p>2.1.8 Menilai pencapaian visi, misi dan objektif bagi sesebuah perniagaan.</p>	<p>Kriteria yang digunakan untuk menilai visi, misi dan objektif perniagaan:</p> <p>Daya saing[1m] Pertumbuhan perniagaan [1m] Penyediaan perkhidmatan [1m] Memaksimumkan keuntungan [1m]</p>	<p>[4 markah]</p>



TINGKATAN 4



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 4


NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Subjektif
4	2.2.1 Menjelaskan bahagian-bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan	(a) Dialog di bawah menunjukkan perbualan antara Encik Ahmad dan Encik Syukri berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi.
	2.2.2 Menjelaskan tujuan dan tugas setiap bahagian fungsian.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Encik Ahmad: Sebagai seorang pengurus bahagian X, saya bertanggungjawab untuk memastikan produk yang dihasilkan mencapai kualiti yang telah ditetapkan.</p> <p>Encik Syukri: Sebagai seorang pengurus bahagian Y pula, tanggungjawab saya adalah memastikan produk yang dihasilkan dapat dipasarkan kepada pelanggan di pasaran.</p> </div>
	2.2.3 Menjelaskan dan mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat untuk mengintegrasikan bahagian fungsian	<p>i. Apakah bahagian fungsian X? (1 Markah)</p> <p>ii. Apakah bahagian fungsian Y? (1 Markah)</p> <p>iii. Terangkan satu fungsi bahagian fungsian X? (1 Markah)</p> <p>iv. Terangkan satu fungsi bahagian fungsian Y? (1 Markah)</p>
	2.2.4 Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.	<p>(b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan proses pembelian barang.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-bottom: 10px;"> <p>Menerima tempahan belian daripada pengurus jualan. → P → Menerima sebut harga daripada para pembekal</p> <p>↓</p> <p>Q → Membuat pesanan belian → R</p> </div> <p>i. Apakah P, Q & R? (3 markah)</p> <p>ii. Mengapakah bahagian fungsian pengagihan sentiasa membuat perancangan perjalanan sebelum membuat pengagihan barang? (3 Markah)</p>

	2.2.5 Membezakan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua perniagaan berlainan.	
	2.2.6 Menjelaskan pembangunan produk dan pasaran baharu	

NO	SP (Konstruk)	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)
	2.2.1 Menjelaskan bahagian- bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan	i. X = Pengeluaran 1 ii. Y = Pemasaran 1 iii. H1 Merancang proses pengeluaran dengan sistematik dan teratur.	
	2.2.2 Menjelaskan tujuan dan tugas setiap bahagian fungsian.	H2 Mengawal kos pengeluaran dengan cekap dan berkesan. H3 Mengawal kualiti produk atau perkhidmatan secara berterusan.	
	2.2.3 Menjelaskan dan mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat untuk mengintegrasikan bahagian fungsian	H4 Memastikan penggunaan sumber secara optimum tanpa melakukan pembaziran. (max=2)	
	2.2.4 Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.	(Pilih mana-mana jawapan yang sesuai) iv. H1 Menjalankan penyelidikan pemasaran untuk menentukan pasaran sasaran. H2 Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan.	
	2.2.5 Membezakan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua perniagaan berlainan.	H3 Menetapkan harga yang kompetitif terhadap produk dan perkhidmatan. H4 Mengenalpasti pasaran sasaran, iaitu bakal pelanggan yang akan membeli produk. (max=1)	
	2.2.6 Menjelaskan pembangunan produk dan pasaran baharu	i. P -Mencari pembekal yang sesuai 1 Q - Menilai setiap pelanggan 1 R - Penerimaan barang daripada pembekal 1 ii. H1- Perlu memastikan saluran pengagihan yang sesuai untuk mengagihkan barang. H2- Menggunakan pengangkutan yang sesuai untuk menghantar barang. H3- Untuk mengelakkan pembaziran masa dan kos disebabkan tiada perancangan perjalanan. H4- Menentukan lokasi dan destinasi penghantaran (max=3)	



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 1

B1T5 : Pengurusan Sumber Manusia (Subjektif)

3.1.1 Menyatakan definisi pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan.

1. Nyatakan definisi pengurusan sumber manusia. [2 markah]

Maksud pengurusan sumber manusia ialah :

- Satu usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi
- untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga pekerja yang berprestasi tinggi

3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan

2. Bagaimanakah seseorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan motivasi pekerjanya? [2 markah]

Seseorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan motivasi pekerjanya dengan:-

- Menyediakan latihan yang mencukupi dan sesuai bagi pekerja
- Menjaga kebajikan pekerja dari aspek kesihatan dan keselamatan
- Menyediakan ganjaran yang setimpal dengan kelayakan, pengalaman dan prestasi kerja.

3.1.3 Mengaplikasikan peranan pengurusan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Jatiraya Sdn Bhd, pengeluar perabot terbesar di Sarawak.

Syarikat Jatiraya Sdn Bhd mengisytiharkan pemberian bonus sebanyak 1 bulan gaji asas kepada pekerja yang menunjukkan prestasi yang cemerlang bagi tahun 2020.

Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang dimainkan oleh Syarikat Jatiraya Sdn Bhd dalam pembangunan perniagaan yang mampan. [3 markah]

Peranan pengurusan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan ialah:-

- Pemberian insentif yang munasabah
- Meningkatkan pencapaian prestasi perniagaan
- Meningkatkan motivasi dan kesetiaan pekerja
- Pekerja rasa dihargai


3.1.4 Menganalisis aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan

4. “Setiap pekerja harus diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat yang diadakan oleh organisasi dari semasa ke semasa”. Jelaskan. [3 markah]

- Masalah perhubungan dan konflik dapat diminimumkan
- Dapat menyelesaikan masalah dalam organisasi
- Menggalakkan komunikasi antara pengurus dengan pekerja
- Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif – semangat sepasukan

3.1.5 Menilai hubung kait antara kemahiran keboleherjaan yang perlu dimiliki pekerja dengan kejayaan sesebuah perniagaan.

5. Rajah berikut adalah berkaitan dengan iklan dalam surat khabar tempatan.



Berdasarkan iklan jawatan kosong di atas, jelaskan kemahiran keboleherjaan yang diperlukan oleh seorang calon pekerja untuk mendapatkan jawatan tersebut?

[6 markah]

Kemahiran keboleherjaan yang diperlukan :-


- Majikan akan mengambil pekerja berdasarkan kelayakan mengikut keperluan perniagaan
- supaya tugas dilakukan dengan berkesan
- Pelbagai ujian diperlukan untuk menilai personaliti dan kebolehan calon
- seperti ujian fizikal dan ujian kecederasan
- Contohnya, berdasarkan iklan tersebut, kelayakan umum yang dikehendaki adalah kelulusan akademik
- SPM / DIPLOMA
- Kelayakan lain seperti - mempunyai lesen memandu kereta

3.1.6 Mencipta satu struktur organisasi dalam sebuah perniagaan.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Muthu.

Encik Muthu mempunyai pengalaman sebagai jurujual alat telekomunikasi. Beliau bercadang untuk berhenti kerja dan ingin memulakan perniagaan menjual dan membaiki alat komunikasi di Kompleks Mid Valley, Kuala Lumpur. Beliau telah mengupah beberapa orang pekerja untuk membantu dalam perniagaan. Antaranya, Martha merupakan seorang graduan dalam bidang perakaunan dengan tawaran gaji sebulan RM 3,500. Hamizi berkemahiran dalam memperbaiki alat komunikasi dengan bayaran gaji sebulan RM 2,400. Azrul yang pakar dalam pengurusan sumber manusia telah ditawarkan gaji bulanan sebanyak RM 2,000.

a) Lakarkan dan labelkan struktur organisasi yang sesuai dengan perniagaan tersebut. [5 markah]



3.1.7 Mencadangkan idea baharu bagi satu sistem penggajian berpandukan struktur organisasi yang dibina.

b) Analisis faktor yang menentukan sistem penggajian dalam perniagaan Encik Muthu.


[4 markah]

Faktor yang menentukan sistem penggajian dalam perniagaan Encik Muthu :-

- Kemampuan organisasi
 - Bergantung kepada kedudukan kewangan yang kukuh
- Bentuk dan jenis tugas
 - makin besar tanggungjawab makin tinggi ganjaran diberi
- Undang-undang/peraturan kerajaan
 - Penentuan kadar ganjaran yang minima
- Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
 - Ganjaran menarik akan memotivasikan /mengekalkan pekerja/mengelak masalah pusing ganti pekerja
- Permintaan/penawaran buruh
 - Permintaan tinggi upah tinggi/sebaliknya
- Faktor Lokasi
 - Ia dipengaruhi oleh kos sara hidup setempat/keudukan geografi kawasan/risiko lokasi



TINGKATAN 5




SOALAN SUBJEKTIF

BAB 2


NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Subjektif
1	<p>3.2.3 Menjelaskan tujuan mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.</p> <p>3.2.4 Menghuraikan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.</p> <p>3.2.5 Mengaplikasikan pengetahuan pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi dalam satu perniagaan yang mampan.</p> <p>3.2.6 Membandingkan kesan pengurusan sumber fizikal dan teknologi dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah organisasi perniagaan.</p>	<p>1) Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi dari aspek harta intelek bagi sesebuah organisasi.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Pengurusan sumber teknologi secara cekap dan berkesan, khususnya dari aspek harta intelek amat penting bagi menjaga kepentingan dan kecemerlangan organisasi supaya tidak tercabul atau terjejas. Harta intelek sesebuah organisasi perlu dijaga dan dikawal dengan rapi supaya tidak menimbulkan sebarang kesulitan dan masalah. Harta intelek biasanya dilindungi melalui paten dan hak cipta.</p> </div> <p>(a) Apakah maksud paten dan hak cipta yang dinyatakan? [5 markah]</p> <p>(b) Mengapakah sesebuah organisasi ingin mendaftarkan paten? [3 markah]</p> <p>(c) Apakah hak-hak organisasi tersebut setelah harta inteleknya dipatenkan? [3 markah]</p> <p>(d) Nyatakan empat contoh karya yang layak mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara [4 markah]</p>
2	<p>Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.</p>	<p>2 a) Nyatakan empat kepentingan perniagaan menjalinkan hubungan dengan pihak-pihak dari luar organisasi [4 markah]</p>

NO	SP (Konstruk)	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)
1	3.2.3 Menjelaskan tujuan mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.	<p>1 (a) Maksud paten ialah satu hak eksklusif yang dianugerahkan untuk suatu reka cipta [1m] iaitu sama ada ia merupakan satu produk atau satu proses bagi melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah [1m]. Paten akan dikeluarkan apabila sesuatu menepati ciri-ciri baharu, melibatkan Langkah mereka cipta, dan boleh digunakan di mana-mana industry [1m]. Maksud hak cipta ialah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya bagi mengawal penggunaan karya mereka [1m]. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak Cipta 1987 [1m].</p> <p>1 (b) Tiga kepentingan untuk mendaftarkan paten ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Untuk mengeksploit reka cipta yang dipatenkan [1m] ii. Untuk penyerah hak atau dipindah milik [1m] iii. Untuk membuat kontrak lesen [1m] <p>1 (c) Tiga hak pemegang paten ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemegang paten berhak memberikan kontrak lesen kepada orang lain berdasarkan syarat kontrak lesen itu [1m] ii. Pemegang paten berhak untuk menuntut ganti rugi atau pampasan melalui mahkamah sekiranya berlaku pelanggaran paten [1m] iii. Pemegang paten berhak untuk mendakwa pihak yang melanggar paten tersebut [1m] <p>1 (d) Empat contoh karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta terpelihara ialah karya sastera [1m], karya muzik [1m], karya seni [1m], karya terbitan [1m], dan filem [1m].</p>	
	3.2.4 Menghuraikan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.		
	3.2.5 Mengaplikasikan pengetahuan pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi dalam satu perniagaan yang mampan.		
	3.2.6 Membandingkan kesan pengurusan sumber fizikal dan teknologi dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah organisasi perniagaan.		
	3.2.3 Menjelaskan tujuan mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesuatu perniagaan.		

2	Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.	2 a) Empat kepentingan perniagaan menjalinkan hubungan dengan pihak -pihak dari luar organisasi ialah: <ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan jaringan perniagaan [1m]• Mengukuhkan hubungan baik sedia ada [1m]• Menjalinkan Kerjasama strategik [1m]• Menambahkan sumber perniagaan [1m]	
---	--	---	--



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 3

Topik 3.3.1 Aras Rendah

1. Seseorang usahawan memerlukan modal untuk memulakan perniagaan. Nyatakan jenis modal yang digunakan digunakan dalam menjalankan perniagaan.

[4 markah]

Topik 3.3.2 Aras Sederhana

Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Eddy.

Encik Eddy telah bekerja dengan sebuah perniagaan bakeri selama lima tahun. Dia berhasrat untuk berhenti kerja dan memulakan perniagaan sendiri perniagaan bakeri. Dia akan menggunakan pengalaman bekerja untuk menjayakan hasratnya. Oleh itu, Encik Eddy memerlukan modal sebanyak RM 100 000 bagi memulakan perniagaannya.

2. Berdasarkan maklumat di atas, cadangkan kepada Encik Eddy cara dia mendapatkan modal untuk memulakan perniagaannya.

[3 markah]

Topik 3.3.3 Aras Sederhana

3. Maklumat berikut berkaitan dengan Ali.

Ali baharu sahaja menamatkan persekolahan dan berniat untuk menjalankan perniagaan menjual air minuman berjenama Pyorr. Lokasi yang dipilih ialah di kawasan perumahan dan berdekatan dengan pasar. Anggaran modal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan bagi membeli bahan mentah dan peralatan adalah RM 2 000.

- (a) Berdasarkan situasi di atas, apakah sumber pembiayaan yang sesuai untuk Ali memulakan perniagaan minuman?

[1 markah]

- (b) Nyatakan kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan yang dipilih.

[4 markah]

Topik 3.3.4 Aras Rendah

4. Senaraikan kelebihan dan kelemahan mendapatkan sumber pembiayaan daripada pihak bank sebagai sumber pembiayaan.

[4 markah]

Topik 3.3.5 Aras Rendah

5. Seseorang usahawan yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan boleh mendapatkan sumber pembiayaan daripada sumber luaran. Nyatakan empat langkah bagi mendapatkan sumber pembiayaan ini.

[4 markah]


Topik 3.3.6 Aras Tinggi

Perniagaan dalam talian semakin mendapat sambutan terutamanya sejak penularan pandemik Covid-19. Oleh itu, Cik Siti berhasrat untuk memulakan perniagaan dalam talian untuk menjual pakaian wanita. Dia menganggarkan modal untuk memulakan perniagaannya sebanyak RM 5 000 iaitu kos untuk membeli komputer riba, pakaian dan langganan internet.


6. Berdasarkan situasi berikut, cadangkan sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Cik Siti untuk memulakan perniagaannya. [3 markah]

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
3.3.1 Mengenal pasti sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.	<p>1. Jenis modal yang digunakan digunakan dalam menjalankan perniagaan:</p> <p>Wang Tunai [1m] Inventori [1m] Bangunan Kilang [1m] Jentera [1m]</p>	[4 markah]
3.3.2 Menghuraikan jenis pembiayaan dalaman dan luaran yang sesuai untuk sesebuah perniagaan.	<p>2. Cara Encik Eddy mendapatkan modal untuk memulakan perniagaannya :</p> <p>Simpanan peribadi [1m] Pinjaman daripada bank dan institusi kewangan [1m] Pembiayaan daripada agensi kerajaan seperti MARA [1m]</p>	[3 markah]
3.3.3 Menyelesaikan keperluan pembiayaan bagi sebuah perniagaan.	<p>3. Sumber pembiayaan yang sesuai untuk Ali memulakan perniagaan minuman :</p> <p>Sumber pembiayaan dalaman [1m]</p> <p>Kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan yang dipilih.</p> <p>Kekuatan: Cepat dan ringkas[1m] Tidak melibatkan kos seperti faedah atas pinjaman[1m]</p> <p>Kelemahan: Modal terhad[1m] Sukar menambah modal dalam masa yang singkat[1m]</p>	[1 markah] [4markah]
3.3.4 Membandingkan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.	<p>4. Kelebihan dan kelemahan mendapatkan sumber pembiayaan daripada pihak bank sebagai sumber pembiayaan:</p> <p>Kekuatan: Tempoh bayaran balik pinjaman dan ansuran bulanan boleh mengikut kemampuan peminjam.[1m] Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa.[1m]</p> <p>Kelemahan: Memerlukan penjamin[1m] Memerlukan cagaran dalam bentuk harta atau aset tetap[1m] Tertakluk kepada syarat pinjaman[1m] Dikenakan faedah yang tinggi[1m]</p>	[4 markah]

<p>3.3.5 Menghuraikan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.</p>	<p>5. Empat langkah bagi mendapatkan sumber pembiayaan ini.</p> <p>Menyediakan rancangan perniagaan [1m] Mendapatkan khidmat nasihat kewangan [1m] Membuat permohonan [1m] Pembiayaan diluluskan [1m]</p>	<p>[4 markah]</p>
<p>3.3.6 Membuat justifikasi jenis pembiayaan yang sesuai digunakan untuk memulakan sesebuah perniagaan.</p>	<p>6. Sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Cik Siti untuk memulakan perniagaannya :</p> <p>Sumber pembiayaan dalaman/simpanan peribadi/[1m] Cepat dan ringkas [1m] Tidak melibatkan kos seperti faedah atas pinjaman [1m]</p>	<p>[3 markah]</p>



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 4

Topik 3.4.1 Aras sederhana

1. Mengapakah penyata kewangan penting kepada sesebuah perniagaan? [2 markah]

Topik 3.4.2 Aras tinggi

2. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan aset semasa dan liabiliti semasa sebuah perniagaan.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, Perniagaan Sammy mencatatkan nilai aset semasa sebanyak RM162 000 dan nilai liabiliti semasa sebanyak RM115 000. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 pula, perniagaan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 10% untuk aset semasa dan liabiliti semasa kekal dengan nilai yang sama seperti tahun 2018.

(a) (i) Kirakan modal kerja Perniagaan Sammy untuk tahun 2019. [3 markah]

(ii) Terangkan perbezaan antara aset semasa dan liabiliti semasa. [4 markah]

Topik 3.4.3 Aras sederhana

3. (a) Jelaskan tujuan pihak berkepentingan berikut memerlukan penyata kewangan sesebuah perniagaan?

(i) Pemilik saham [2 markah]

(ii) Vendor [2 markah]

Topik 3.4.4 Aras sederhana

4. Mengapakah sesebuah perniagaan memerlukan analisis titik pulang modal? [3 markah]

Topik 3.4.5 Aras tinggi

5. Maklumat berikut berkaitan dengan penyata kewangan Perniagaan Fadzli.

Butiran	Tahun 2020 (RM)
Modal awal	300 000
Kos jualan	150 000
Untung kasar	50 000
Untung bersih	30 000
Liabiliti semasa	20 000
Aset semasa	25 000

(a) (i) Hitung peratusan margin untung bersih Perniagaan Fadzli. [4 markah]

(ii) Terangkan tindakan yang perlu diambil oleh Perniagaan Fadzli sekiranya ingin meningkatkan margin untung bersih pada tahun 2021. [4 markah]

Topik 3.4.6 Aras tinggi

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Teguh.

Butiran	Tahun 2019 (RM)	Tahun 2020 (RM)
Penghutang	50 000	55 000
Pemiutang	75 000	72 000
Tunai	10 500	13 500
Inventori	42 500	48 000
Akaun belum terima	5 000	3 000
Gaji belum bayar	8 000	9 500

(a) (i) Hitungkan nisbah semasa Perniagaan Teguh untuk tahun 2019 dan 2020. [6 markah]

(ii) Jelaskan keupayaan Perniagaan Teguh menjelaskan hutang jangka pendek pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. [3 markah]


NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH						
1	<p>Penyata kewangan penting kepada sesebuah perniagaan kerana</p> <p>i) Memberi pandangan yang menyeluruh tentang keadaan kewangan sesebuah perniagaan</p> <p>ii) Semua maklumat kewangan perniagaan disampaikan secara berstruktur dan dalam bentuk yang mudah difahami.</p> <p>iii) Membolehkan pengurusan perniagaan membuat perancangan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan memaksimumkan keuntungan untuk tahun berikutnya.</p> <p>iv) Membolehkan perniagaan mengetahui kedudukan aset dan liabilitinya untuk tujuan mengembangkan perniagaan</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">2m</p>						
2	<p>a. (i) Modal kerja Perniagaan Sammy tahun 2019</p> $\begin{aligned} \text{Modal kerja} &= \text{Aset semasa} - \text{liabiliti semasa} \\ &= [162\,000 + (10\% \times 162\,000)] - 115\,000 \\ &= 63\,200 \end{aligned}$ <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p> <p>(ii) Perbezaan aset semasa dan liabiliti semasa</p> <table border="1" data-bbox="331 1070 1206 1279" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Aset semasa</th> <th style="width: 50%;">Liabiliti semasa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Aset yang mudah ditukar kepada tunai dalam tempoh singkat</td> <td>Hutang yang perlu dibayar dalam tempoh masa yang singkat</td> </tr> <tr> <td>Contoh: tunai, inventori</td> <td>Contoh : akaun belum bayar, overdraf bank</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	Aset semasa	Liabiliti semasa	Aset yang mudah ditukar kepada tunai dalam tempoh singkat	Hutang yang perlu dibayar dalam tempoh masa yang singkat	Contoh: tunai, inventori	Contoh : akaun belum bayar, overdraf bank	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">3m</p> <p style="text-align: center;">2</p> <p style="text-align: center;">2</p> <p style="text-align: center;">4m</p>
Aset semasa	Liabiliti semasa							
Aset yang mudah ditukar kepada tunai dalam tempoh singkat	Hutang yang perlu dibayar dalam tempoh masa yang singkat							
Contoh: tunai, inventori	Contoh : akaun belum bayar, overdraf bank							
3	<p>(a) Tujuan pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan sesebuah perniagaan:</p> <p>(i) Pemilik saham</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan wang pelaburan yang dibuat digunakan sebaik mungkin oleh pihak pengurusan dalam perniagaan - Memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan dapat memberi pulangan atau keuntungan kepada mereka <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p> <p>(ii) Vendor</p> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk menilai keupayaan dan kecekapan perniagaan dalam menguruskan hutang. - Memastikan keupayaan perniagaan untuk membuat pembayaran balik sebelum memberikan kemudahan kredit. <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">2m</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">2m</p>						

4	<p>Sesebuah perniagaan memerlukan analisis titik pulang modal kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menentukan tahap kuantiti pengeluaran atau jualan bagi mengelak berlakunya kerugian. 1 - Mengetahui jumlah keuntungan atau kerugian perniagaan pada tahap jualan atau pengeluaran tertentu 1 - Merancang pengeluaran atau jualan untuk memperoleh keuntungan yang dikehendaki 1 - Perniagaan akan menggunakan analisis titik pulang modal untuk menilai sesuatu projek perniagaan, sama ada memperoleh keuntungan atau sebaliknya. 1 <p style="text-align: right;">Markah maksimum 3m</p>	
5	<p>a. (i) Margin untung bersih Perniagaan Fadzli</p> <p>Margin untung bersih = $\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan}} \times 100\%$</p> <p style="text-align: center;">= $\frac{30\,000}{(150\,000 + 50\,000)} \times 100$ 1</p> <p style="text-align: center;">= $\frac{30\,000}{200\,000} \times 100$ 1</p> <p style="text-align: center;">= 15% 1</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum 4m</p> <p>(ii) Tindakan yang perlu diambil oleh Perniagaan Fadzli sekiranya ingin meningkatkan margin untung bersih pada tahun 2021 ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mengurangkan kos 1 <ul style="list-style-type: none"> - Kos pengeluaran bagi setiap unit keluaran perlu dikurangkan dan masih mengekalkan kualiti dan kuantiti dengan cara mendapatkan bahan mentah pada harga yang lebih murah 1 b) Meningkatkan jualan 1 <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah jualan tahun 2021 perlu ditingkatkan berbanding tahun 2020 1 c) Menggunakan sumber perniagaan secara cekap 1 <ul style="list-style-type: none"> - Semua jenis sumber dalam perniagaan perlu digunakan secara maksimum dan mengelakkan pembaziran 1 d) Mengurangkan belanja 1 <ul style="list-style-type: none"> - Perniagaan perlu mengelakkan daripada mengeluarkan belanja untuk perkara yang tidak memberi kesan secara langsung kepada peningkatan jualan. 1 <p style="text-align: right;">Markah maksimum = 2m fakta _ + 2m huraian 4m</p>	

6	<p>a. (i) Nisbah semasa Perniagaan Teguh untuk tahun 2019 dan 2020.</p> <p>Tahun 2019 = Aset semasa / Liabiliti semasa</p> $= \frac{50\,000 + 10\,500 + 42\,500 + 5\,000}{75\,000 + 8\,000}$ $= \frac{108\,000}{83\,000}$ $= 1.30 : 1$ <p>Tahun 2020 = $\frac{55\,000 + 13\,500 + 48\,000 + 3\,000}{72\,000 + 9\,500}$</p> $= \frac{119\,500}{81\,500}$ $= 1.47 : 1$ <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p> <p>(ii) Keupayaan Perniagaan Teguh menjelaskan hutang jangka pendek pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nisbah semasa Perniagaan Teguh untuk tahun 2020 adalah lebih baik berbanding tahun 2019. - Perniagaan Teguh mampu membayar hutang jangka pendeknya bagi kedua-dua tahun. - Namun, keupayaan Perniagaan Teguh membayar hutang jangka pendek pada tahun 2020 adalah lebih baik berbanding tahun 2019 - Pada tahun 2019, bagi setiap RM1 hutang jangka pendeknya, Perniagaan Teguh mempunyai aset sebanyak RM1.30 - Bermakna Perniagaan Teguh masih mempunyai lebihan aset sebanyak RM0.30 selepas membayar semua hutang jangka pendeknya untuk tahun 2019. - Pada tahun 2020, bagi setiap RM1 hutang jangka pendeknya, Perniagaan teguh mempunyai aset sebanyak RM1.47 - Bermakna Perniagaan Teguh masih mempunyai lebihan aset sebanyak RM0.47 selepas membayar semua hutang jangka pendeknya untuk tahun 2020. - Jadi lebihan aset selepas membayar semua hutang jangka pendek untuk tahun 2020 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2019. <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>6m</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>3M</p>
---	--	---



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 5

Topik 4.1.1 Aras sederhana

1. Huraikan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat.

[4 markah]

Topik 4.1.2 Aras tinggi

2. Maklumat berikut berkaitan dengan campuran pemasaran sebuah perniagaan.

Encik Danish merupakan seorang usahawan yang menghasilkan aiskrim berperisa buah-buahan tempatan. Selain mempunyai bungkusan yang menarik, aiskrim yang dihasilkan juga sangat sedap dan mempunyai kepelbagaian perisa. Encik Danish mampu memperoleh buah-buahan tempatan dengan mudah dan murah daripada penduduk kampung di sekitar perniagaannya sehingga membolehkannya menjual aiskrim keluarannya dengan harga yang lebih rendah berbanding aiskrim lain yang ada dalam pasaran. Namun, disebabkan faktor lokasi dan kurang dikenali, sambutan terhadap aiskrim keluaran Encik Danish kurang memberangsangkan dan tidak mampu mencapai tahap keuntungan yang diharapkan.

(a) (i) Terangkan kepada Encik Danish ciri-ciri lokasi yang perlu dipertimbangkan bagi membolehkan hasil jualan ditingkatkan.

[4 markah]

(ii) Cadangkan kepada Encik Danish promosi yang perlu dilakukan olehnya bagi memastikan perniagaannya dikenali ramai. Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

Topik 4.1.3 Aras sederhana

3. (a) Kerjaya dalam bidang perniagaan mendatangkan banyak kelebihan kepada seseorang usahawan.

Jelaskan kelebihan yang dinikmati dari aspek berikut:


(i) Matlamat peribadi

[3 markah]


(ii) Objektif perniagaan

[3 markah]

	<p>(ii) Promosi yang perlu dilakukan oleh Encik Danish bagi memastikan perniagaannya dikenali ramai</p> <p>i) Pengedaran risalah - Encik Danish boleh mengedar risalah di seluruh kawasan perniagaannya agar lebih dikenali</p> <p>ii) Menggantung banner di kawasan yang mudah dilihat - Banner pastinya akan menarik perhatian bakal pelanggan dan memudahkan bakal pelanggan mengetahui kedudukan perniagaannya.</p> <p>iii) Menggunakan kemudahan laman sosial - pengiklanan dalam media sosial seperti Facebook dan Instagram pastinya membolehkan perniagaan Encik Danish lebih dikenali tanpa memerlukan kos</p> <p>iv) Mengedarkan sampel percuma - Sampel percuma pastinya akan menarik perhatian bakal pelanggan dengan keenakan produk Encik Danish</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum = 2m fakta + 2m huraian</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>4m</p>
3	<p>Kelebihan kerjaya dalam bidang perniagaan</p> <p>i) Matlamat peribadi - Mendatangkan pendapatan buat usahawan - Usahawan bebas dalam membuat keputusan berkaitan perniagaannya - Usahawan akan melaksanakan tugas mengikut keperluan yang ada pada perniagaannya. - Usahawan perlu berusaha untuk mengembangkan perniagaan yang dijalkannya. - Usahawan mesti berani mengambil risiko kerana makin besar risiko, semakin besar pulangan. - Usahawan bebas bekerja kerana tidak terikat dengan masa</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p> <p>ii) Ojektif perniagaan - Mewujudkan peluang pekerjaan - Menghasilkan pelbagai produk - Mewujudkan penempatan dan pembangunan setempat - Pengurangan kebergantungan negara terhadap barang import - Mewujudkan peluang perniagaan atau pelaburan</p> <p style="text-align: right;">Markah maksimum</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>3m</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>3m</p>



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 6

NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Subjektif	Jawapan	Catatan (sekiranya ada)									
1	4.2.1 Mengetahui pasti akta - akta berkaitan penubuhan perniagaan.	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Jelaskan dua akta yang berkaitan dengan penubuhan sesebuah entiti perniagaan. [5 markah] 	<p>Dua akta yang berkaitan dengan penubuhan perniagaan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menguruskan pendaftaran penubuhan bagi perniagaan milikan tunggal dan perniagaan perkongsian [1m] ➤ Perniagaan milikan tunggal merupakan perniagaan yang dimiliki oleh seorang pemilik perniagaan sahaja [1m] manakala perniagaan perkongsian dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua orang dan tidak melebihi 20 orang [1m] • Akta Syarikat 2016 [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menguruskan pendaftaran penubuhan bagi syarikat persendirian dan syarikat awam [1m] 										
2	4.2.2 Melaporkan peraturan dan kesan yang mempengaruhi persediaan memulakan perniagaan berdasarkan akta- akta di atas.	Apakah perbezaan di antara Syarikat Berhad dengan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dari aspek data yang mengawal selia dan sumbangan modal? [4 markah]	<p>Dua perbezaan antara Syarikat Berhad dengan Perkongsian Liabiliti Terhad ialah:</p> <table border="1" data-bbox="810 1462 1331 1798"> <thead> <tr> <th>Aspek</th> <th>Syarikat Berhad</th> <th>Perkongsian Liabiliti Terhad</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akta yang mengawal selia</td> <td>Akta Syarikat 2016 [1m]</td> <td>Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [1m]</td> </tr> <tr> <td>Sumbangan modal</td> <td>Pemegang saham [1m]</td> <td>Pekongsian [1m]</td> </tr> </tbody> </table>	Aspek	Syarikat Berhad	Perkongsian Liabiliti Terhad	Akta yang mengawal selia	Akta Syarikat 2016 [1m]	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [1m]	Sumbangan modal	Pemegang saham [1m]	Pekongsian [1m]	
Aspek	Syarikat Berhad	Perkongsian Liabiliti Terhad											
Akta yang mengawal selia	Akta Syarikat 2016 [1m]	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [1m]											
Sumbangan modal	Pemegang saham [1m]	Pekongsian [1m]											


3	<p>4.2.3 Menganalisis prosedur penubuhan setiap pemilikan perniagaan sehingga memperoleh sijil pendaftaran perniagaan.</p>	<p>Encik Jamil bercadang menubuhkan perniagaan yang akan diberi nama Jamil Enterprise. Terangkan proses penubuhan Jamil Enterprise. [5 markah]</p>	<p>Proses penubuhan Jamil Enterprise ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendaftarkan perniagaan tersebut dengan Pendaftar Perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia [1m] • Membuat permohonan carian nama dengan menggunakan Borang PNA 42 [1m] • Membuat permohonan mendaftarkan nama perniagaan dengan menggunakan Borang A [1m] • Membayar yuran pendaftaran [1m] • Mendapat dan mempamerkan sijil perakuan pendaftaran [1m] 	
4	<p>4.2.4 Menganalisis tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan.</p>	<p>Terangkan tiga tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang peniaga setelah memperoleh sijil pendaftaran perniagaan. [6 markah]</p>	<p>Tiga tanggungjawab peniaga setelah memperoleh sijil pendaftaran perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempamerkan sijil pendaftaran [1m] di tempat yang mudah dilihat [1m] • Mempamerkan papan tanda nama perniagaan [1m] dan nombor pendaftaran perniagaan [1m] • Mempamerkan pendaftaran perniagaan [1m] dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat pendaftaran [1m] 	
5	<p>4.2.5 Menyatakan dokumen perniagaan yang perlu disimpan dengan lengkap dalam sesebuah perniagaan.</p>	<p>Untuk setiap urus niaga yang berikut, nyatakan dokumen perniagaan yang terlibat.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memulakan perniagaan dengan memasukkan wang tunai di bank ii. Membeli barang niaga secara kredit iii. Membuat jualan barang niaga secara tunai iv. Membayar gaji pekerja secara tunai [4 markah] 	<p>Dokumen perniagaan yang terlibat ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memo [1m] ii. Invois [1m] iii. Bil tunai [1m] iv. Baucar pembayaran [1m] 	

6	<p>4.2.6 Melakukan simulasi penyediaan dan penyimpanan dokumen perniagaan yang dirancang.</p>	<p>Pada 1 Januari 2019, Puan Radha menerima sijil perakuan pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaannya yang diberi nama Radha's Boutique. Alamat perniagaan beliau ialah No. 12, Jalan Indera Mahkota, Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pada 3 Januari 2019, Puan Radha memasukkan wang sebanyak RM15 000 sebagai modal memulakan perniagaan.</p> <p>Lakarkan dokumen berkaitan bagi urusan pada 3 Januari 2019. [7 markah]</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p style="text-align: center;">MEMO [1m] Radha's Boutique [1m] No 12, Jalan Indera Mahkota, Bandar Indera Mahkota, Kuantan [1m]</p> <p>Tarikh: 3 Januari 2019 [1m] Kepada: Pengurus Akaun [1m] Pemilik membawa masuk wang tunai sebanyak RM15000 sebagai modal memulakan perniagaan. [1m]</p> <p style="text-align: right;">Radha (Pengurus)[1m]</p> </div>	
7	<p>4.2.7 Menyediakan penyata aliran tunai yang mudah berasaskan dokumen perniagaan yang dirancang.</p>	<p>Terangkan jenis dokumen yang perlu disimpan oleh seorang peniaga bagi memudahkan penyata kewangan disediakan. [4 markah]</p>	<p>Jenis dokumen yang perlu disimpan oleh seorang peniaga bagi memudahkan penyata kewangan disediakan ialah:</p> <p>F1 Rekod transaksi bank / penyata bank H1a Dikeluarkan oleh bank / menyenaraikan semua urusan yang dilakukan melalui bank</p> <p>F2 Rekod jualan H2 mengandungi catatan aktiviti jualan</p> <p>F3 Rekod pembelian H3 mengandungi catatan aktiviti pembelian yang dilakukan</p> <p>F4 Rekod kos operasi / selain pembelian H4 mengandungi catatan aktiviti perbelanjaan / kos perniagaan selain pembelian barang niaga</p> <p>F5 Rekod ambilan dan modal H5 mengandungi maklumat ambilan oleh pemilik dari perniagaannya untuk kegunaan sendiri</p>	

8	4.2.8 Menyatakan definisi pemasaran dan jualan.													
9	4.2.9 Menghuraikan persediaan untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan jualan bagi produk dan perkhidmatan.	<p>Nur Sdn. Bhd. merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan dan menjual kuih – muih. Setelah empat bulan menjalankan perniagaan itu, pemilik Nur Sdn. Bhd. , Cik Nur Shudadah mendapati hasil jualan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="475 779 782 990"> <thead> <tr> <th></th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JANUARI</td> <td>8600</td> </tr> <tr> <td>FEBRUARI</td> <td>8900</td> </tr> <tr> <td>MAC</td> <td>9300</td> </tr> <tr> <td>APRIL</td> <td>9600</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cik Nur Shuhadah telah berjumpa Encik Razali (pegawai pemasaran MARA) dan melalui perbincangan itu, dia mendapati produknya kurang dikenali ramai.</p> <p>Apakah langkah yang perlu diambil oleh Cik Nur Shuhadah bagi memperkenalkan produknya kepada orang ramai? [5 markah]</p>		RM	JANUARI	8600	FEBRUARI	8900	MAC	9300	APRIL	9600	<p>Langkah yang perlu diambil ialah meningkatkan aktiviti promosi dengan memilih kaedah yang sesuai, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pengiklanan Melalui media bercetak atau media elektronik ii. Jualan langsung Dari rumah ke rumah atau interaksi secara personel iii. Promosi jualan Menawarkan pelbagai jenis insentif kepada pelanggan iv. Publisiti Boleh disalurkan melalui media massa <p>Cik Nur Shuhadah boleh memilih mana-mana kaedah yang bersesuaian dengannya serta pada kos yang paling murah</p>	
	RM													
JANUARI	8600													
FEBRUARI	8900													
MAC	9300													
APRIL	9600													



TINGKATAN 5



SOALAN SUBJEKTIF

BAB 7

NO	SP (Konstruk)	Contoh Soalan Subjektif	Jawapan Cadangan	Catatan (sekiranya ada)
1	4.3.1 Menyatakan definisi rancangan perniagaan.	Terangkan maksud rancangan perniagaan. [3 markah]	Maksud rancangan perniagaan ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen bertulis [1m] • Menerangkan maklumat perniagaan / projek yang hendak dijalankan [1m] • Secara menyeluruh dan terperinci [1m] 	
2	4.3.2 Menjelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.	Bagaimanakah rancangan perniagaan yang dibuat dapat membantu usahawan menilai projek yang dirancang? [3 markah]	Dengan adanya rancangan perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> • Kesilapan dapat diminimumkan semasa mengurus perniagaan [1m] • Dijadikan garis panduan [1m] dalam hala tuju pengurusan perniagaan [1m] 	
2	4.3.2 Menjelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.	Encik Yong merancang untuk memulakan satu projek perumahan. Terangkan empat kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada Encik Yong. (8 markah)	Kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada Encik Yong ialah Memberi peluang untuk menilai projek yang dirancang [1m] ...dapat mengurangkan kesilapan dan bertindak sebagai garis panduan dalam menguruskan projek [1m] Memberi gambaran sama ada projek perumahan berkenaan berdaya maju [1m] ...dapat membantu pihak seperti pemiaya dan bank tentang potensi projek [1m] Merancang keperluan sumber projek [1m] ...dapat merancang dan mengagihkan pelbagai sumber perniagaan secara sistematik dan cekap [1m] Menjangka risiko dan masalah yang timbul semasa melaksanakan projek [1m] ...dapat meramal masalah dan risiko seperti kekurangan modal dan bahan dan berusaha menangani risiko berkenaan [1m]	

3	4.3.3 Menghuraikan format rancangan perniagaan.	<p>Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Zaharin.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>Encik Zaharin bercadang untuk membuka cawangan perniagaan alat tulis di Bukit Katil, Melaka. Dia telah meminta Cik Nurul Ain menyediakan rancangan operasi bagi dimasukkan dalam rancangan perniagaan yang sedang disediakan.</p> </div> <p>Huraikan elemen-elemen yang perlu dimasukkan oleh Cik Nurul Ain dalam rancangan operasi.</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p>	<p>Rancangan operasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merupakan gambaran tentang operasi pengeluaran yang akan dilaksanakan [1m] • Mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> a. Carta alir proses [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menunjukkan Langkah – langkah utama dalam proses pengeluaran [1m] b. Keperluan bahan mentah [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Senarai bahan mentah yang diperlukan dalam proses pengeluaran [1m] c. Senarai mesin dan peralatan [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Senarai lengkap tentang mesin dan peralatan yang akan digunakan dalam proses pengeluaran [1m] d. Susun atur ruang operasi [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Merancang pelan ruang operasi [1m] e. Perbelanjaan operasi perniagaan [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Anggaran kos yang terlibat dalam proses pengeluaran [1m] f. Pembahagian tugas [1m] <ul style="list-style-type: none"> ➢ Pengagihan tugas serta senarai tugas bagi setiap jawatan [1m] 	
---	---	---	---	--

4	4.3.4 Menyediakan satu rancangan perniagaan.	<p>Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Ameer.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Encik Ameer ingin memulakan kedai menjual cat yang memerlukan modal permulaan sebanyak RM350 000. Beliau mempunyai simpanan peribadi sebanyak RM150 000. Beliau ingin memohon pinjaman bank, justeru ingin menyediakan satu rancangan perniagaan. Yang berikut adalah beberapa maklumat yang disediakan oleh Encik Ameer.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Anggaran jualan cat untuk bulan Januari, Februari dan Mac ialah 5000 tin, 6000 tin dan 7000 tin masing – masing. Purata harga jualan setin ialah RM10. ii. Menganggarkan margin keuntungan sebanyak 30%. <p>Encik Ameer yakin perniagaannya boleh maju memandangkan terdapat banyak rumah lama yang dibeli oleh pembeli baharu. Semakin ramai pemilik rumah baharu dan lama membuat pengubahsuaian. Terdapat lebih kurang 10 pemaju perumahan di Kawasan itu mendapatkan stok daripada pembekal dari tempat lain.</p> </div> <p>Berdasarkan maklumat di atas, sediakan objektif projek yang boleh dimasukkan dalam rancangan perniagaan Encik Ameer. [9 markah]</p>	<p>Objektif projek mengandungi maklumat berkaitan dengan: Sasaran jualan [1m] ...anggaran jualan perniagaan dalam tempoh masa tertentu [1m] ...sasaran jualan cat bagi perniagaan Encik Ameer adalah seperti yang berikut</p> <table border="1" data-bbox="903 703 1412 911"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Sasaran Jualan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Januari</td> <td>50 000</td> </tr> <tr> <td>Februari</td> <td>60 000</td> </tr> <tr> <td>Mac</td> <td>70 000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sasaran untung [1m] ...anggaran keuntungan selepas ditolak kos operasi dan pengurusan perniagaan [1m] ...sasaran untung bagi perniagaan Encik Ameer adalah seperti yang berikut:</p> <table border="1" data-bbox="903 1196 1412 1404"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Sasaran Jualan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Januari</td> <td>15 000</td> </tr> <tr> <td>Februari</td> <td>18 000</td> </tr> <tr> <td>Mac</td> <td>21 000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sasaran pelanggan [1m] ...kumpulan pengguna yang dikenal pasti akan membeli dan menggunakan produk [1m] ...sasaran pelanggan perniagaan Encik Ameer ialah pemilik rumah dan pemaju perumahan [1m]</p>	Bulan	Sasaran Jualan (RM)	Januari	50 000	Februari	60 000	Mac	70 000	Bulan	Sasaran Jualan (RM)	Januari	15 000	Februari	18 000	Mac	21 000	
Bulan	Sasaran Jualan (RM)																			
Januari	50 000																			
Februari	60 000																			
Mac	70 000																			
Bulan	Sasaran Jualan (RM)																			
Januari	15 000																			
Februari	18 000																			
Mac	21 000																			

**SAMPEL JSU
JADUAL SPESIFIKASI
UJIAN (JSU)
MATA PELAJARAN:
PERNIAGAAN**

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (DSKP PENJAJARAN SEMULA)

Mata pelajaran: Perniagaan (Rujukan Sahaja)

BIL	TOPIK / TAJUK	SP	TINGKATAN	PENGETAHUAN								KEFAHAMAN			KEMAHIRAN			ARAS				
				Terminolo	Fakta	Konvensyen	Urutan	Klasifikasi	Kriteria	Kaedat / Metodologi	Prinsip	Teori	Menterjemah	Mentafsir	Extrapolas	Aplikasi	Analisis	Penilaian	Sintesis	Rendah	Sederhana	Tinggi
				P01	P02	P03	P04	P05	P06	P07	P08	P09	C01	C02	C03	A01	N01	V01	T01	R	S	T
1		1.1.1 Menerangkan tujuan perniagaan	4		1													1				
2		1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan	4			1					1							1				
3		1.1.3 Mengklasifikasi perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar	4																1			
4		1.1.4 Menerang dan menganalisis saiz dan skala perniagaan berdasarkan kriteria tempatan, zon dan kebangsaan.	4										1						1			
5	1. Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan	1.1.5 Menjelas dan menghubungkaitkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala serta klasifikasi perniagaan	4		1									1					1			
6		1.1.6 Menjelaskan perkembangan perniagaan pada sektor utama, kedua dan ketiga	4					1			1							1				
7		1.2.1 Mengenal pasti peranan kerajaan dalam menangani isu-isu tempatan, negara dan serantau mengenai pertumbuhan, guna tenaga penuh, inflasi dan deflasi.	4																	2		
8		1.2.2 Mengimbas dan menggariskan trend persekitaran perniagaan.	4			1												1	1			
9	2. Trend Semasa dalam Perniagaan	1.2.3 Mengaplikasi peranan kerajaan dalam perubahan persekitaran perniagaan	4										1						2			
10		1.2.4 Menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.	4															1	1			
11		1.2.5 Menilai kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi	4			1												1	1			
12		2.1.1 Menyatakan maksud visi, misi dan objektif perniagaan.	4	1														1				
13		2.1.2 Membanding dan menghuraikan visi, misi dan objektif beberapa perniagaan yang berbeza.	4			1												1				
14		2.1.3 Menjelaskan ciri - ciri objektif.	4			1													1			
15		2.1.4 Menghurai dan menganalisiskan tujuan penetapan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.	4			1													1			
16	3. Penetapan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan	2.1.5 Mencipta visi, misi dan objektif bagi sebuah perniagaan tertentu.	4						1											1		
17		2.1.6 Menerang dan menilai kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif kepada perniagaan.	4							1									1			
18		2.1.7 Menjelaskan dan menganalisis faktor yang mempengaruhi keperluan mengubah visi, misi, dan objektif perniagaan.	4								1									1		
19		2.1.8 Menilai pencapaian visi, misi dan objektif bagi sesebuah perniagaan.	4											1					1			
20		2.2.1 Menjelaskan bahagian- bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.	4								1							1				
21		2.2.2 Menjelaskan tujuan dan tugas setiap bahagian fungsian.	4										1						1			
22		2.2.3 Menjelaskan dan mengaplikasi penggunaan teknologi maklumat untuk mengintegrasikan bahagian fungsian	4													1				1		
23	4. Bahagian-bahagian Fungsian Utama dalam Organisasi Perniagaan	2.2.4 Menerang dan menganalisis hubungan dan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar, aliran maklumat dan aliran barang.	4								1							1				
24		2.2.5 Membezakan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua perniagaan berlainan.	4									1							1			
25		2.2.6 Menjelaskan pembangunan produk dan pasaran baharu	4										1						1			
26		3.1.1 Menyatakan definisi pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.	5	1								1						1				
27		3.1.2 Menjelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.	5		1							1						1				
28		3.1.3 Mengaplikasikan peranan pengurusan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.	5					1				1								1		
29	1. Pengurusan Sumber Manusia	3.1.4 Menganalisis aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan	5					1						1						1		
30		3.1.5 Menilai hubung kait antara kemahiran keboleherjaan yang perlu dimiliki pekerja dengan kejayaan sebuah perniagaan.	5		1									1					1			
31		3.1.6 Mencipta satu struktur organisasi dalam sebuah perniagaan.	5					1						1					1			
32		3.1.7 Mencadangkan idea baharu bagi satu sistem pengajian berpandukan struktur organisasi yang dibina.	5													1			1			

FORMAT PENTAKSIRAN PEPERIKSAAN SPM PERNIAGAAN (3766)

Bil	Perkara	Kertas 1 (3766/1)	Kertas 2 (3766/2)	Kertas 3 (3766/3)
1	Jenis Instrumen	Ujian objektif	Ujian subjektif	Projek
2	Jenis Item	Aneka pilihan	Respon terhadap Respon terbuka	Tugasan Perniagaan
3	Bilangan Soalan	40 soalan (Wajib)	Bahagian A 6 soalan (Pilih 5) (50 markah) Bahagian B 3 Soalan (Pilih 2) (30 markah) Bahagian C – Kajian kes 1 soalan – (Wajib) (20 markah)	Satu Tugasan
4	Jumlah Markah	40	100	80
5	Tempoh Ujian	1 Jam 15 minit	2 jam 15 minit	Tingkatan 5 : Mac – Mei
6	Wajaran	20%	60%	20%
7	Konstruk	Mengingat dan memahami Kemahiran mengaplikasi	Mengingat dan memahami Kemahiran mengaplikasi, menganalisis dan menilai	Kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai, mencipta, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan keboleherjaan Nilai
8	Cakupan Konteks	Bidang pembelajaran Tingkatan 4 dan 5		
9	Aras Kesukaran	R : S : T 5 : 3 : 2		
10	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik	Rubrik penskoran
11	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik dan peralatan ICT




**SET 1:
KERTAS 1
(ARAS RENDAH)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

1. Antara yang berikut, manakah yang benar tentang maksud perniagaan?

- I Mewujudkan faedah kepada pengguna
 - II Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - III Melibatkan urusan niaga jual beli keluaran
 - IV Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

2. Rajah di bawah ini menunjukkan perubahan bentuk milikan perniagaan.



Mengapakah peniaga tersebut mengambil tindakan tersebut?

- I Perniagaan berterusan
 - II Risiko dapat disebarakan
 - III Dapat berkongsi kepakaran
 - IV Menanggung liabiliti terhad
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

3. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan penubuhan syarikat awam berhad?

- A. Laporan kewangan tahunan perlu diumumkan
- B. Keuntungan dikenakan cukai pendapatan individu
- C. Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran (Borang D)
- D. Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

4. Pilih pernyataan yang BETUL berkaitan francaisor dan francaisi.

	Francaisor	Francaisi
A.	Mempunyai jenama yang terkenal	Memberikan hak kepada francaisor untuk menggunakan namanya
B.	Menjalankan promosi bagi pihak francaisi	Menanggung kos promosi yang dijalankan oleh francaisor
C.	Sentiasa mengawal syarikat yang menerima hak berniaga	Bebas menjalankan perniagaan mengikut kehendak sendiri
D.	Memberikan hak kepada francaisi untuk menggunakan namanya	Membayar francaisor dalam bentuk dipersetujui

5. Perniagaan yang manakah boleh dikategorikan sebagai perniagaan bersaiz kecil?

- A. Kilang kasut
- B. Kedai runcit Masnawi
- C. Pengeluaran telefon bimbit
- D. Tenaga Nasional Berhad (TNB)

6. Kerajaan negeri menjalankan peranan ...

- A. mewujudkan kawasan industri.
- B. membina jaringan pengangkutan yang baik.
- C. melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan perniagaan.
- D. menggubal undang-undang berkaitan penggubalan undang-undang, perlindungan pengguna, dan pelepasan cukai.

7. Pilih kesan yang berlaku akibat daripada kewujudan faktor persekitaran luaran yang menyebabkan trend meningkat.

- A. Mengurangkan kecekapan pengeluaran
- B. Promosi yang dapat meningkatkan kuantiti permintaan
- C. Meningkatkan daya pengeluaran sesebuah perniagaan
- D. Persekitaran perniagaan berada dalam keadaan positif

8. Gambar 1 menunjukkan produk yang biasa digunakan dalam sesebuah organisasi perniagaan pada masa kini.



Gambar 1

- Apakah perubahan trend yang membawa kepada perubahan di atas?
- A. Sosiabudaya
 - B. Teknologi
 - C. Ekologi
 - D. Sosial
9. Apakah jenis pasaran memiliki ciri-ciri produk yang bertujuan untuk memenuhi kepuasan dan keperluan sasaran pasaran tertentu?
- A. *Mass market*
 - B. Pasaran inche
 - C. Pasaran produk
 - D. Pasaran kewangan
10. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu agensi kerajaan yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

- Menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian
- Memperkenalkan teknologi baharu kepada industri

Apakah agensi tersebut?

- A. SIRIM
- B. FELDA
- C. MARDI
- D. MEDEC


11. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan objektif perniagaan?

- I. Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
- II. Boleh dicapai dalam jangka masa yang pendek
- III. Sesuatu yang memberikan inspirasi kepada pekerja
- IV. Terdiri daripada objektif korporat dan objektif fungsian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan objektif Syarikat Perabot Syamil.

Perkara	Januari	Februari	Mac
Berbincang dengan pelanggan	/		
Reka bentuk perabot	/	/	
Proses pembinaan perabot		/	/




Syarikat Perabot Syamil menggunakan Carta Gantt untuk merancang pengeluaran perabot. Apakah ciri objektif yang terdapat dalam Syarikat Perabot Syamil?

- A. Spesifik
- B. Boleh dicapai
- C. Jangka masa
- D. Munasabah


13. Antara yang berikut, manakah merupakan kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif perniagaan?
- I. Tidak mampu mengembangkan perniagaan
 - II. Berhadapan dengan muflis
 - III. Pekerja tidak bermotivasi tinggi
 - IV. Gagal dalam persaingan
- A. I & II
 - B. I & IV
 - C. II & III
 - D. III & IV
14. Antara berikut, manakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?
- A. Kewangan dan sosiobudaya
 - B. Teknologi dan kewangan
 - C. Teknologi dan sumber manusia
 - D. Sumber manusia dan kewangan
15. Apakah peranan utama bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan?
- A. Mengurus dan menyelaras pembangunan perkakasan dalam sistem aplikasi teknologi maklumat
 - B. Mengubah dan memindahkan data dengan cepat dan selamat
 - C. Menyimpan dan memproses data peribadi pelanggan
 - D. Mengurus dokumen syarikat dengan sistematik

16. Berikut merupakan tanggungjawab Encik Adam dalam bahagian fungsian kewangan.



Apakah jawatan Encik Adam?


- A. Akauntan
 - B. Pegawai kredit
 - C. Pegawai kewangan
 - D. Staf kewangan
17. Berikut merupakan carta proses pengeluaran.



Apakah X?

- A. Modal
- B. Bahan mentah
- C. Stok
- D. Mesin

18. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan bahagian fungsian pemasaran?
- Memastikan semua bahan atau input berada dalam keadaan baik dan berkualiti
 - Memastikan maklumat barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan sampai kepada pengguna dengan cepat
 - Menentukan lokasi dan destinasi penghantaran barang dan perkhidmatan
 - Menyediakan sebut harga atau jangkaan harga yang dikehendaki oleh pengguna
19. Berikut merupakan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A.	Perbincangan idea	Analisis produk
B.	Penyaringan idea	Analisis produk
C.	Penyaringan idea	Ujian pemasaran
D.	Perbincangan idea	Ujian pemasaran

20. Apakah faedah penggunaan e-dagang kepada para peniaga?
- Membolehkan perniagaan mendapatkan rekod data peribadi pelanggan dengan mudah
 - Mempercepatkan urusan penghantaran produk kepada pelanggan
 - Membolehkan perniagaan mendapat faedah dalam peningkatan hasil jualan kerana memenuhi kehendak pelanggan dengan segera.
 - Urusan perbankan menjadi lebih cepat dan menjimatkan kos seperti membayar bil dan membuat pelaburan

21. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Harry.

Encik Harry telah menggunakan kenderaan syarikat untuk membawa keluarganya melancong ke Kuching tanpa mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pihak pengurusan syarikatnya.

Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh Encik Harry?

- A. Rasuah
- B. Ponteng kerja
- C. Salah guna aset syarikat
- D. Ingkar arahan tanpa sebab kukuh

22. Antara yang berikut, yang manakah merupakan potongan wajib dalam sistem penggajian?

- I. Bayaran skim pencen
 - II. Caruman kepada KWSP
 - III. Caruman kepada PERKESO
 - IV. Bayaran balik pinjaman perumahan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

23. Apakah sumber fizikal bagi kedai salun gunting rambut?

- A. Ketuhar
- B. Syampu
- C. Peti Sejuk
- D. Kenderaan

24. Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai untuk Puan Rose yang ingin membeli sebuah van baharu?
- A. Pajakan
 - B. Ar-Rahnu
 - C. Sewa beli
 - D. Pemfaktoran
25. Setiap bulan, Perniagaan Peralatan Elektrik Encik Tiong perlu membayar pinjaman kepada pihak bank secara tetap mengikut jadual. Apakah jenis kos yang terlibat dengan pembayaran tersebut?
- A. Kos tetap
 - B. Kos purata
 - C. Kos berubah
 - D. Kos marginal
26. Fahrin ingin memulakan perniagaan sendiri. Antara yang berikut, yang manakah perlu dipertimbangkan oleh Fahrin?
- A. Kedai yang cantik dan pengalaman
 - B. Pelanggan yang sedia ada dan pengalaman
 - C. Kedai yang luas dan pelanggan sedia ada
 - D. Pengalaman dan pengetahuan diri serta modal yang mencukupi
27. Antara yang berikut, yang manakah prosedur pertama pendaftaran perniagaan Kedai Runcit Ah Mei?
- A. Mengisi borang pendaftaran
 - B. Mengemukakan cadangan lokasi
 - C. Mengemas kini maklumat nama perniagaan
 - D. Mendapat kelulusan nama perniagaan

28. Kaedah promosi **X** melibatkan pelbagai jenis insentif untuk menarik minat pengguna agar menambahkan belian mereka bagi tempoh tertentu. Apakah kaedah **X**?
- A. Pengiklanan
 - B. Jualan langsung
 - C. Promosi jualan
 - D. Publisiti
29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan akta penubuhan perniagaan?
- A. Akta Syarikat 2016
 - B. Akta Kontrak 1950
 - C. Akta Hak Cipta 1987
 - D. Akta Perihal Dagangan 1972
30. Apakah tanggungjawab pertama yang perlu dipatuhi oleh Kedai Gunting Abu dan Ahmad setelah mendaftarkan perniagaan?
- A. Mempamerkan papan tanda perniagaan
 - B. Menyimpan lesen fail perniagaan di pejabat
 - C. Melantik setiausaha perniagaan dalam tempoh 30 hari
 - D. Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan lesen perniagaan
31. Antara yang berikut, yang manakah merupakan jenis penyata kewangan?
- I Penyata Pendapatan
 - II Aset Bukan Semasa
 - III Liabiliti Semasa
 - IV Kunci Kira-kira
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

32. Pilih padanan penyata dan butiran yang betul.

	Penyata	Butiran
A.	Penyata Pendapatan	Ambilan
B.	Kunci Kira-kira	Pulangan belian
C.	Penyata Aliran Tunai	Gaji
D.	Imbangan Duga	Ekuiti pemilik

33. Contoh manakah yang merupakan kos tetap?

- A. Upah
- B. Insurans
- C. Bil elektrik
- D. Kos bahan mentah

34. Antara yang berikut, yang manakah merupakan pihak yang memerlukan penyata kewangan sesebuah perniagaan.

- I Vendor
 - II Pembiaya
 - III Penjamin
 - IV Peminjam
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

35. Apakah rumus bagi menghitung nisbah semasa?

- A. Aset – Liabiliti
- B. $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
- C. $\frac{\text{Jualan Bersih}}{\text{Jualan Aset}}$
- D. $\frac{\text{Kos Jualan Barangan}}{\text{Stok Purata}}$

36. Antara yang berikut, yang manakah adalah ciri-ciri keperibadian seseorang usahawan?

- I Proaktif
 - II Fleksibel
 - III Semangat sepasukan
 - IV Melaksanakan tanggungjawab sosial
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

37. Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan menjadi usahawan.

- Memberikan pelbagai produk dan perkhidmatan.
- Membuka peluang pekerjaan.

Apakah kelebihan menjadi usahawan tersebut?

- A. Diri
B. Negara
C. Keluarga
D. Masyarakat


38. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor penyumbang memulakan perniagaan.

- Mudah dikunjungi
- Tempat yang mempunyai tumpuan ramai
- Berhampiran dengan pelanggan dan pembekal

Apakah faktor penyumbang tersebut?

- A. Stok
B. Latihan
C. Pemasaran
D. Lokasi yang sesuai

39. Berikut merupakan jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh usahawan kecuai
- A. Pengurusan masa
 - B. Pengurusan aliran tunai
 - C. Pengurusan sumber manusia
 - D. Pengurusan stok dan inventori
40. Gambar menunjukkan beberapa jenis barang makanan.



Apakah kategori barang tersebut?

- A. Stok tepu
- B. Stok gerakan
- C. Stok bergerak pantas
- D. Stok bergerak perlahan

**SET 2:
KERTAS 1
(ARAS
SEDERHANA)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

1. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Kedai Runcit Rashdi menjual pelbagai jenis barang keperluan harian.

Apakah yang perlu dilaksanakan oleh perniagaan ini sekiranya ingin mendapatkan keuntungan?

- A. Menawarkan barang pada harga kos
- B. Menawarkan barang bawah harga kos
- C. Menawarkan barang melebihi harga kos
- D. Menawarkan barang tanpa bayaran

2. Apakah kelebihan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) berbanding dengan Perkongsian Berhad?

- I Dikenakan cukai pendapatan perseorangan
 - II Menikmati liabiliti terhad setakat sumbangan modal
 - III Hayat perkongsian yang berterusan
 - IV Mudah diurus dan ditubuhkan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

3. Antara berikut, yang manakah menunjukkan unsur demokrasi di dalam pengurusan koperasi?

- I Pengerusi koperasi mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan sebarang keputusan mengenai koperasi
- II Setiap anggota koperasi bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka
- III Setiap anggota koperasi berhak mengundi pemilihan ahli lembaga pengarah koperasi
- IV Setiap anggota koperasi melibatkan diri dalam membuat setiap keputusan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

4. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti sektor perniagaan.

Syarikat A : Pembekalan tenaga
Syarikat B : Pelancongan

Antara berikut, yang manakah benar tentang sektor yang diceburi oleh Syarikat A dan Syarikat B?

	Syarikat A	Syarikat B
A.	Sektor primer	Sektor sekunder
B.	Sektor primer	Sektor tertier
C.	Sektor sekunder	Sektor primer
D.	Sektor sekunder	Sektor tertier

5. Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pelepasan cukai.

Diberikan kepada syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berasaskan bahan mentah tempatan.

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A. Elaun cukai pelaburan
- B. Taraf perintis
- C. Pengecualian cukai
- D. Elaun pelaburan semula

6. Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah menangani pengangguran.

Kerajaan perlu membuat perancangan ekonomi yang sesuai terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia selaras dengan trend perubahan semasa dalam perniagaan

Apakah jenis pengangguran yang ditangani oleh kaedah tersebut?

- A. Pengangguran bermusim
- B. Pengangguran kitaran
- C. Pengangguran teknologi
- D. Pengangguran struktur

7. Apakah peranan bank pusat sewaktu berlakunya deflasi?

- A. Menambahkan penawaran wang dan mengurangkan kadar faedah
- B. Mengurangkan penawaran wang dan meningkatkan kadar faedah
- C. Menambahkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan kadar cukai
- D. Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan meningkatkan kadar cukai

8. Pilih pernyataan yang benar berkaitan sumber manusia dalaman

	Kelebihan	Kekurangan
A.	Pekerja lebih bermotivasi untuk bekerja	Pekerja tidak dapat membawa idea baharu kepada organisasi
B.	Pekerja mempunyai kemahiran baharu	Pekerja diedarkan ke unit yang lain menyebabkan kekosongan jawatan
C.	Pekerja mampu membawa idea baharu kepada organisasi	Pekerja memerlukan program induksi untuk memahami organisasi
D.	Pekerja sudah diketahui oleh majikan dari aspek prestasi	Pekerja kurang bermotivasi untuk bekerja

9. Maklumat berikut menunjukkan dua jenis organisasi.

Organisasi A	:	Menyediakan pelitup muka secara percuma kepada pusat warga emas hasil daripada pembiayaan kerajaan
Organisasi B	:	Menghasilkan pelbagai jenis pelitup muka untuk memperoleh pulangan jualan

Pilih pernyataan yang tepat mengenai bagi kedua-dua organisasi.

- A. Organisasi A perlu didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Perniagaan
 - B. Organisasi B perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pertubuhan Malaysia
 - C. Organisasi B bermatlamat untuk menjaga kebajikan masyarakat
 - D. Organisasi A bermatlamat untuk menjual produk pada harga kos
10. Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif sebuah kilang tayar.

Kilang Tayar Tingo berhasrat untuk mengeluarkan sebanyak 1,000, 000 unit tayar kenderaan pada tahun akan datang.

Antara berikut manakah menunjukkan ciri yang baik dalam objektif tersebut?

- A. Spesifik (*Specific*)
- B. Boleh diukur (*Measureable*)
- C. Boleh dicapai (*Attainable*)
- D. Jangka masa (*Time Frame*)

11. Maklumat berikut berkaitan dengan Kilang Maju yang mengeluarkan baju hujan.

Kilang Maju telah mencapai Titik Pulang Modal (TPM) sebanyak 7,000 pasang baju hujan bagi bulan April 2020.

Apakah kesimpulan analisis TPM bagi Kilang Maju?

- A. Jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan pada tingkat pengeluaran 7,000 pasang
- B. Jumlah kos tetap dan kos berubah sama pada tingkat pengeluaran 7,000 pasang
- C. Pengeluaran mencapai 7,000 pasang baju hujan untuk memperoleh keuntungan
- D. Pengeluaran pada tingkat 7,000 pasang untuk mengelakan kerugian

12. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan D'Best Food Supplies.

D'Best Food Supplies bercadang untuk menerima tempahan secara dalam talian di samping menambahkan pelbagai menu sajian sihat dalam meningkatkan jualan perniagaan.

Apakah faktor yang membawa kepada perubahan strategi tersebut?

- I. Sumber manusia
 - II. Undang-undang
 - III. Sosiobudaya
 - IV. Teknologi
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV


13. Maklumat berikut menunjukkan peranan bahagian fungsian dalam Organisasi X dan Organisasi Y.

Organisasi X	Organisasi Y
Menjalankan penyelidikan pasaran mengenai produk atau perkhidmatan yang sedia ada di pasaran	Menjawab pertanyaan pelanggan berkaitan barang yang dijual

Pilih padanan yang betul bagi Organisasi X dan Organisasi Y.

	Organisasi X	Organisasi Y
A.	Penyelidikan dan Pembangunan	Khidmat pelanggan
B.	Pengagihan	Pembelian
C.	Pemasaran	Jualan
D.	Pengeluaran	Pengurusan sumber manusia

14. Rajah berikut menunjukkan sebahagian daripada langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Apakah langkah X?

- A. Komersialisasi
- B. Ujian pemasaran
- C. Pembangunan produk
- D. Pembangunan dan pengujian konsep

15. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan butik yang dimiliki oleh Puan Zarina.

Puan Zarina telah meneruskan perniagaan butiknya secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah kawalan Pergerakan yang bermula bulan April yang lalu. Selain itu, Puan Zarina turut menggunakan kaedah yang sama dalam membuat urusan pembayaran cukai perniagaannya.

Yang manakah aplikasi teknologi maklumat yang dapat membantu Puan Zarina dalam mengatasi isu perniagaannya?

- I. E-banking
 - II. E-dagang
 - III. E-government
 - IV. E-pemasaran
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
16. Maklumat berikut berkaitan dengan aliran barang dan perkhidmatan mengikut jadual aktiviti pengeluaran yang dipersetujui bagi produk kesihatan Syarikat Jelita Ayu Sdn Bhd.

- I. Pesanan bekalan bahan mentah
- II. Pengeluaran tempahan barang dan pengedaran
- III. Penerimaan jumlah invoice daripada pembekal dan pembayaran
- IV. Penghantaran jumlah invoice kepada pembeli dan penerimaan pembayaran

Susunkan langkah mengikut urutan yang betul bagi produk tersebut.

- A. I , II , III dan IV
- B. I , III , II dan IV
- C. II , I , IV dan III
- D. II , IV , I dan III

17. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan aspek pengelolaan sumber manusia dengan pembangunan perniagaan yang mampan?

- I Penempatan pekerja bersesuaian dengan kemahirannya
- II Hukuman kepada pekerja yang tidak bekerja melebihi masa.
- III Menahan kenaikan gaji pekerja sesuka hati
- IV Memberi penghargaan kepada pekerja yang dapat menyumbang kepada perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh Encik Wan.

Encik Wan telah menceburi bidang pertanian sejak lima tahun yang lepas. Baru-baru ini dia telah memohon jawatan kosong di Syarikat Agro Hijau di Pahang.

Apakah jenis kemahiran kebolehkeraan tersebut?

- A. Kelayakan
- B. Kecekapan
- C. Keberkesanan
- D. Berpengalaman

19. Maklumat berikut menunjukkan faktor penentu sistem penggajian yang diamalkan di sebuah organisasi.

Encik Faud telah bertugas sebagai pengurus operasi selama 5 tahun di Pembekal Makanan Sejuk Beku Faizal Sdn. Bhd. Baru-baru ini, syarikat Encik Faud telah mengarahkan dia selaku pengurus besar di cawangan Melaka dengan kenaikan gaji sebanyak 20%.

Apakah faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh Encik Faud?

- A. Kemampuan organisasi
- B. Bentuk dan jenis tugas
- C. Permintaan dan penawaran buruh
- D. Ganjaran yang dibayar oleh pesaing

20. Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan pengurusan sesuatu sumber fizikal dalam sesebuah organisasi.

Satu aktiviti pertanian, penyimpanan, pengendalian, serta pembekalan bahan mentah, produk separuh siap, dan produk siap bagi memastikan bekalan tersebut sentiasa mencukupi serta disimpan dalam satu keadaan yang sempurna.

Apakah sumber fizikal tersebut?

- A. Stok
- B. Produk siap
- C. Behan mentah
- D. Produk separuh siap

21. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan lesen perisian?

- A. Tujuan untuk melindungi hasil cipta
- B. Memerlukan daya intelektual seseorang
- C. Perjanjian bertulis antara pemilik dengan pengguna perisian
- D. Kemahiran pekerja adalah sebahagian daripada lesen perisian

22. Kazim Sdn. Bhd. Ingin mengemukakan permohonan paten untuk produk baharu yang dicipta olehnya. Agensi kerajaan manakah yang harus dirujuk oleh syarikat itu?

- A. Perbadanan Hak Cipta dan Paten Malaysia
- B. Perbadanan Harta Intelek Malaysia
- C. Pejabat pendaftaran Syarikat
- D. Suruhanjaya Syarikat Malaysia

23. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber teknologi PERODUA?

- I Peralatan TMK
 - II Kilang pengeluaran kereta
 - III Mempatenkan reka bentuk kereta
 - IV Meningkatkan kemahiran terkini dan pengalaman pekerja
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

24. Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan sejenis pembiayaan luaran.

Perniagaan boleh menambah kecairan perniagaan dengan menjual surat hutang atau invois

Apakah jenis pembiayaan luaran tersebut?

- A. Syer
- B. Pajakan
- C. Ar-Rahnu
- D. Pemfaktoran

25. Apakah peranan Syarikat Jaminan Kredit (CGC)?

- A. Memberi latihan dan bimbingan kepada peniaga
- B. Membantu usahawan PKS untuk berdaya maju
- C. Membangunkan infrastruktur asas perniagaan
- D. Memasarkan produk bagi pihak usahawan PKS

26. Pilih prosedur yang betul bagi mendapatkan sumber pembiayaan

- A. Menyediakan rancangan perniagaan → mendapat khidmat nasihat kewangan → membuat permohonan → pembiayaan diluluskan
- B. Mendapat khidmat nasihat kewangan → membuat permohonan → menyediakan rancangan perniagaan → pembiayaan diluluskan
- C. Menyediakan rancangan perniagaan → membuat permohonan → mendapatkan khidmat nasihat kewangan → pembiayaan diluluskan
- D. Membuat permohonan → menyediakan rancangan perniagaan → pembiayaan diluluskan → mendapat khidmat nasihat kewangan

27. Apakah prosedur am kedua yang perlu dipatuhi oleh sesebuah perniagaan untuk mendapatkan sumber pembiayaan?
- A. Menyediakan borang permohonan
 - B. Menyediakan rancangan perniagaan
 - C. Menyediakan dokumen yang lengkap
 - D. Mendapat khidmat nasihat kewangan
28. Siapakah yang menggunakan maklumat dalam penyata kewangan sebagai rujukan semasa mengawal dan merancang aktiviti perniagaan?
- A. Pemiutang
 - B. Para pelabur
 - C. Pihak pengurusan
 - D. Institusi kewangan
29. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan maklumat kewangan Syarikat Binaraya Bhd. pada akhir tahun 2017.

	RM
Untung kasar	60 000
Untung bersih	25 000
Modal awal	300 000
Modal akhir	325 000

Kirakan peratusan pulangan atas modal bagi Syarikat Binaraya Bhd.

- A. 7.7%
- B. 8.3%
- C. 18.5%
- D. 20.0%

32. Maklumat berikut berkaitan dengan margin untung kasar bagi tahun 2018 dan tahun 2019.

Jenis Nisbah	2018	2019
Peratus margin untung kasar	40%	25%

Apakah kesimpulan anda?

- I. Kos belian syarikat menurun pada tahun 2019
- II. Syarikat tidak mengawal kos jualan dengan cekap
- III. Syarikat kurang cekap dalam menetapkan harga jualan
- IV. Syarikat tidak cekap menguruskan penghutang syarikat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

33. Antara yang berikut, mengapakah keupayaan membina jenama yang kukuh memainkan peranan besar kepada usahawan?

- I Meyakinkan lebih ramai pengguna
- II Mengelakkan kerugian kepada usahawan
- III Mengelakkan peniruan barang oleh pesaing
- IV Usahawan akan berusaha menjaga kualiti barang dan perkhidmatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

34. Maklumat berikut merupakan berkaitan seorang usahawan sosial dunia, Blake Mycoskie.

Beliau memulakan inisiatif bantuan kasut kepada kanak-kanak daripada keluarga yang memerlukan mencecah 60 pasang sejak 2006 dan diteruskan dengan TOMS Eyewear yang merupakan inisiatif bantuan cermin mata kepada seramai 400,00 individu terpinggir sejak 2011. Beliau juga membangunkan bekalan air bersih di beberapa negara dan mengasaskan modul latihan yang dapat membantu golongan sasar tanpa mengharapkan sumber dan bantuan lain.

Apakah ciri-ciri keperibadian usahawan yang sesuai berdasarkan maklumat di atas?

- I Berdikari
- II Fleksibel
- III Berani untuk berjaya
- IV Kreatif dan inovatif


- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

35. Mengapakah pemilihan lokasi yang sesuai merupakan salah satu faktor yang amat penting dalam memulakan perniagaan?

- I Membolehkan memanfaatkan sumber alam
- II Menentukan kos yang akan dikeluarkan
- III Menentukan sama ada lokasi yang dipilih berpotensi untuk meraih keuntungan
- IV Mengukuhkan rangkaian perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

36. Apakah masalah utama kesan kepada stok bergerak perlahan?



- I Stok tidak laku
- II Stok berisiko rendah
- III Stok menjadi ketinggalan zaman
- IV Stok mudah rosak

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37. Implikasi peniaga mendaftarkan perniagaan mereka ialah

- I Membantu memudahkan pengguna membuat verifikasi maklumat perniagaan
- II Keyakinan pengguna untuk berurusan dengan sesebuah perniagaan adalah lebih tinggi
- III Pihak kerajaan dapat mengenalpasti kemampuan perniagaan
- IV Memudahkan pihak berkuasa memantau aktiviti perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

38. Berikut merupakan Prosedur Pemerbadanan Syarikat Persendirian. Susunkan langkah prosedur mengikut urutan yang betul.
- I Permohonan pemerbadanan syarikat menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Sesebuah Syarikat (Seksyen 14) di bawah Akta Syarikat 2016
 - II Notis Pemerbadanan Syarikat akan dikeluarkan oleh SSM
 - III Perlantikan setiausaha syarikat hendaklah dilakukan dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan sesebuah syarikat
 - IV Permohonan carian nama syarikat
- A. IV, II, I dan III
 - B. IV, I, II dan III
 - C. I, IV, III dan II
 - D. I, II, IV dan III
39. Mengapakah kaedah promosi publisiti menjimatkan kos usahawan?



- A. Usahawan menggunakan teknologi
 - B. Kos siaran ditanggung oleh pihak media massa
 - C. Usahawan berunding pembahagian kos dengan pihak media massa
 - D. Usahawan melibatkan interaksi secara peribadi
40. Apakah masalah yang dihadapi sekiranya usahawan tidak menilai projek yang dirancang dengan teliti?
- A. Menangani risiko kekurangan sumber
 - B. Menambahkan segala hutang perniagaan
 - C. Masalah pembaziran sumber akan berlaku
 - D. Sebarang kesilapan dapat dikurangkan



**SET 3:
KERTAS 1
(ARAS TINGGI)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

1. Komponen manakah yang berkaitan dengan konsep asas perniagaan?

- I. Melakukan pertukaran nilai
- II. Melatih tenaga kerja mahir
- III. Menyediakan barang dan perkhidmatan
- IV. Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

2. Gambar di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan



Mengapakah Encik Ali memilih penubuhan perniagaan tersebut?

- A. Liabiliti terhad
- B. Proses penubuhan adalah rumit
- C. Bilangan pemilik ialah antara 2-20 orang
- D. Pemilik mempunyai kawalan secara langsung ke atas perniagaan

3. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)?

- I. Kos rendah
- II. Liabiliti terhad
- III. Entiti berasingan
- IV. Hayat berterusan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan

- Syarikat Pembuatan Kertas AA Sdn Bhd
- Syarikat BKK Sdn Bhd

Apakah ciri-ciri syarikat-syarikat di atas?

- I. Beban cukai yang rendah
 - II. Mempunyai modal yang kecil
 - III. Liabiliti perniagaan yang terhad
 - IV. Tertakluk kepada Akta Syarikat 2016
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

5. Apakah kelebihan koperasi berbanding dengan syarikat berhad?

- A. Tiada beban cukai
B. Pengurusan dan pemilik terpisah
C. Syer boleh dipindah milik secara bebas
D. Liabiliti ahli terhad kepada modal yang dilaburkan

6. Maklumat berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi

- Kerajaan mengubah perbelanjaan kerajaan
- Bank pusat mengawal penawaran wang

Tindakan kerajaan meningkatkan ekonomi negara melalui

- I. dasar cukai
- II. dasar subsidi
- III. dasar fiskal
- IV. dasar kewangan

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

Soalan 7 dan soalan 8 adalah berdasarkan maklumat di bawah ini.

Encik Abu adalah pengeluar pelbagai jenis perabot. Dia sedang mempertimbangkan untuk membuka sebuah kilang baharu yang mengeluarkan perabot daripada kayu getah. Dia berhasrat untuk mengeksport keluarannya ke Eropah. Kawannya yang bertugas di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri (MITI) memberitahu bahawa beliau layak dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun jika mengeksport keluaran perabot kayu getahnya ke Eropah.

7. Agensi kerajaan manakah yang dapat membantu Encik Abu mengetahui maklumat mengenai pengimport perabot di Eropah?

- | | |
|----------|------------|
| A. MARDI | C. SIRIM |
| B. MARA | D. MATRADE |

8. Apakah jenis pelepasan cukai yang layak diterima oleh Encik Abu?

- | | |
|-------------------|---------------------------|
| A. Taraf perintis | C. Elaun cukai pelaburan |
| B. Potongan cukai | D. Elaun pelaburan semula |

9. Maklumat di bawah berkaitan dengan trend guna tenaga

Perkembangan dalam teknologi telah membawa perubahan dalam guna tenaga.

Antara yang berikut, yang manakan menerangkan pernyataan di atas?

- I. Peningkatan pengangguran
- II. Pengurangan pengangguran
- III. Peningkatan bilangan pekerja
- IV. Pengurangan bilangan pekerja

- | |
|---------------|
| A. I dan II |
| B. I dan IV |
| C. II dan III |
| D. III dan IV |

10. Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan semasa keadaan inflasi?

- I. Menggalakkan orang ramai berbelanja lebih wang
- II. Mengurangkan kadar cukai pendapatan individu
- III. Memberikan subsidi kepada pengeluar
- IV. Meningkatkan kadar faedah

- | | |
|--------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan IV |
| B. I dan III | D. III dan IV |

11. Apakah yang berikut, manakah menerangkan objektif dengan **tepat**?
- A. Menjadi satu ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan
 - B. Merupakan pembentukan maklumat yang lebih khusus
 - C. Menjadi garis panduan dalam pengurusan organisasi
 - D. Menggariskan sebab kewujudan sesebuah organisasi

12. Pernyataan berikut berkaitan sebuah perniagaan kraf tangan.

Pihak pengurusan Kraf ABC Enterprise mengubah suai strategi perniagaan dengan memberi penekanan kepada keunikan ukiran produk kerana jualan yang merosot akibat kemelesetan ekonomi.

Apakah faktor utama yang mempengaruhi perubahan strategi tersebut?

- A. Mempunyai teknologi terkini untuk menghasilkan produk berkenaan.
 - B. Produk dilindungi di bawah Akta Hak Cipta
 - C. Mempunyai tenaga pekerja yang mahir dan berpengalaman
 - D. Mempunyai sumber kewangan yang kukuh
13. Apakah tindakan susulan yang perlu dilakukan oleh sesebuah perniagaan apabila produknya mendapat saingan sengit daripada barang import?
- A. Menjenamakan semula
 - B. Mempergiatkan promosi
 - C. Mengeluarkan produk baharu
 - D. Memberhentikan pengeluaran produk

14. Maklumat berikut berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 30,000 unit produk A.

Kos tetap.	: RM 360,000
Bahan langsung.	: RM 150,000
Buruh langsung.	: RM 120,000

Apakah Titik Pulang Modal (TPM) dalam unit bagi pengeluaran produk A sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A. 36,000 unit
B. 42,000 unit
C. 56,000 unit
D. 60,000 unit
15. Bagaimanakah carta organisasi berfungsi dalam menyampaikan visi sebuah syarikat?
- I. Mendorong semua pihak untuk mencapai matlamat
II. Melaksanakan matlamat perniagaan secara spesifik
III. Menyampaikan maklum balas dari pekerja kepada pihak atasan
IV. Menyebarkan hala tuju perniagaan kepada pekerja melalui pengurus
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
16. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">➤ Memeriksa semua tempahan➤ Memenuhi kekurangan bekalan yang berlaku➤ Berkait rapat dengan bahagian fungsian pengeluaran dan jualan |
|---|

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A. Teknologi maklumat dan komunikasi
B. Penyelidikan dan pembangunan
C. Khidmat pelanggan
D. Pengagihan


17. Rajah 1 berkaitan dengan saluran agihan dalam bahagian fungsian pengagihan



Rajah 1

Produk manakah yang sesuai menggunakan saluran agihan tersebut?

- A. Telefon bimbit
 - B. Pakaian berjenama
 - C. Majalah ilmiah
 - D. Ikan segar
18. Pernyataan manakah benar tentang struktur organisasi?
- A. Susun atur aset dan sumber manusia dalam organisasi perniagaan
 - B. Menunjukkan susunan dan hubungan antara setiap bahagian fungsian dalam organisasi
 - C. Menunjukkan aliran maklumat terkini dan autoriti di antara setiap tahap dalam perniagaan
 - D. Merupakan carta organisasi yang menghubungkan semua bahagian dalam organisasi perniagaan
19. Rajah di bawah menunjukkan dua buah perniagaan yang terdapat di Limbang, Sarawak



Mengapakah kedua-dua perniagaan ini memerlukan bahagian fungsian yang sama?

- A. Supaya boleh bersaing secara adil
- B. Untuk merebut syer pasaran yang sama
- C. Memaksimumkan kepuasan pelanggan
- D. Mencapai visi, misi dan objektif yang dirancang

20. Apakah aplikasi teknologi maklumat yang digunakan untuk membuat tempahan dan pengesahan pembelian barangan?
- A. e-dagang
 - B. e-banking
 - C. e-pemasaran
 - D. e-government

21. Maklumat berkaitan dengan konsep pengurusan yang diamalkan dalam sebuah organisasi

- Total Quality Management
- Zero Defect

Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia organisasi tersebut?

- A. Membina persekitaran kerja yang harmoni
 - B. Menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - C. Pemberian insentif yang munasabah
 - D. Pemantapan budaya profesional
22. Pernyataan yang manakah berkaitan tujuan bahagian fungsian sumber manusia?
- A. Menjawab pertanyaan pelanggan
 - B. Memastikan bahan mentah untuk pengeluaran mencukupi
 - C. Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang berkemahiran
 - D. Menyediakan pakar untuk memberikan maklumat mengikut kehendak pelanggan
23. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Standard Prosedur Operasi (SOP) dalam sesebuah organisasi perniagaan?
- A. Doktor menggunakan jarum yang sama ketika menyuntik lima orang pesakit
 - B. Pekerja memakai topi keselamatan apabila memasuki tapak projek
 - C. Pemandu bas pesiaran menyediakan tiga kerusi untuk penumpang tambahan
 - D. Pengusaha feri ke Pulau Perhentian menyediakan sebanyak sepuluh helai jaket keselamatan

24. Pernyataan manakah yang tepat berkaitan prosedur mengurus sumber teknologi bagi sebuah syarikat produksi animasi tempatan.
- A. Mendaftar hak cipta karya filem animasi dengan MyIPO
 - B. Menyediakan pelbagai kamera berteknologi tinggi
 - C. Menginsuranskan semua jenis kamera dan peralatan
 - D. Menghasilkan pelbagai jenis filem animasi dan dokumentasi
25. Antara yang berikut, manakah yang bukan berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal sesebuah kilang perabot?
- I. Menyelenggarakan semua mesin supaya operasi pengeluaran lancar
 - II. Mengambil insurans kebakaran dan kecurian untuk mengelakkan kerugian
 - III. Menyediakan mesin dan peralatan terkini untuk meningkatkan mutu keluaran
 - IV. Menghasilkan pelbagai jenis perabot untuk pasaran tempatan dan antarabangsa
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
26. Maklumat berikut ialah prosedur mengurus sumber fizikal yang penting untuk memudahkan proses penghasilan produk.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Perlindungan insurans keselamatan• X |
|---|

Apakah prosedur **X**?

- A. Penyelenggaraan dan baik pulih sumber fizikal
- B. Pemeriksaan dan jadual penggunaan sumber fizikal
- C. Merangka bajet bagi kos pengurusan sumber fizikal
- D. Latihan penggunaan dan pemasangan sumber fizikal

27. Antara yang berikut, manakah merupakan kelebihan memperoleh jentera melalui skim pajakan?
- I. Dapat menjana pendapatan
 - II. Dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
 - III. Jentera yang rosak akan dibaiki oleh penyewa
 - IV. Dapat menggunakan mesin tanpa mengeluarkan modal yang tinggi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

28. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Emmy.

Puan Emmy merupakan seorang pengusaha Kedai Roti dan Kek. Memandangkan perniagaannya mendapat sambutan yang baik, beliau mengambil keputusan untuk membuka satu lagi kedai dengan menggunakan wang simpanan sendiri.

Mengapakah beliau memilih menggunakan sumber pembiayaan tersebut?

- I. Sumber pembiayaan luaran memerlukan jaminan
 - II. Modal daripada sumber pembiayaan dalaman tidak terhad
 - III. Sumber pembiayaan luaran tidak sesuai untuk perniagaan Kedai Roti dan Kek
 - IV. Sumber pembiayaan dalaman dapat mengelakkan pembayaran faedah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
29. Jenis pembiayaan manakah yang sesuai dipilih oleh Encik Jenot yang ingin membuka gerai menjual kuih dan minuman soya?
- A. Ar-Rahnu
 - B. Pinjaman bank
 - C. Simpanan peribadi
 - D. Geran pembangunan

30. Maklumat berikut berkaitan dengan analisis nisbah penentuan harga jualan.

Puan Nelsy memaklumkan bahawa perniagaannya menambah sebanyak 20% pada kosnya untuk mendapatkan harga jualan.

Apakah analisis nisbah yang Puan Nelsy gunakan?

- A. Untung tokokan
 - B. Margin untung kasar
 - C. Pulangan atas modal
 - D. Kadar ganti pusing stok
31. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian salah seorang usahawan yang berjaya di Malaysia.

Ramly Burger telah mengeluarkan produk halal, bersih dan bermutu. Idea menghasilkan daging burger terhasil kerana kebanyakan makanan sejuk beku tidak pasti halal haramnya, Encik Ramly tidak pernah putus asa walaupun usahanya pernah diperlekehkan oleh masyarakat. Dengan simpanan sendiri dan bantuan pinjaman daripada agensi kerajaan, kini beliau telah mempunyai 2 buah kilang pemerosesan di Kawasan Perindustrian Bandar Tun Razak dan di Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu.

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah ciri-ciri keperibadian usahawan ini?

- A. Semangat berpasukan
 - B. Kreatif dan Inovatif
 - C. Berani mengambil risiko
 - D. Berinisiatif dan bertanggungjawab
32. Situasi manakah yang menunjukkan sifat berani mengambil risiko seorang usahawan?
- A. Berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu
 - B. Berkemampuan mengubah suai produk sedia ada
 - C. Mengambil langkah memulakan perniagaan yang belum pasti berjaya
 - D. Mempunyai semangat untuk bekerja sebagai satu kumpulan bagi mencapai matlamat

33. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu kekuatan diri yang harus ada pada seseorang usahawan.

Perhubungan baik dengan pasangan

Kemahiran manakah yang dapat membantu seseorang usahawan untuk mencapai kekuatan berkenaan?

- A. Kemahiran komunikasi
 - B. Kemahiran membuat keputusan
 - C. Kemahiran merancang perniagaan
 - D. Kemahiran bekerja dalam kumpulan
34. Antara yang berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan?
- i. Mempamerkan sijil
 - ii. Mempamerkan dokumen rasmi perniagaan
 - iii. Mempamerkan harga
 - iv. Memperbaharui sijil perniagaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
35. Encik Saiful ingin menubuhkan sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Apakah prosedur penubuhan perniagaan tersebut.
- A. Permohonan carian nama syarikat → Melantik setiausaha syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat
 - B. Permohonan kelulusan nama perniagaan → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - C. Permohonan carian nama syarikat → Permohonan pemerbadanan syarikat → Notis pemerbadanan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - D. Permohonan kelulusan nama perniagaan → Mengisi borang A → Menghantar borang bersama dokumen ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

36. Apakah dokumen yang digunakan untuk merekod maklumat ambilan barang niaga oleh pemilik perniagaan?
- Resit
 - Memo
 - Invois
 - Bil Tunai
37. Antara berikut, faktor manakah yang harus dipertimbangkan oleh usahawan sebelum menetapkan harga produk?
- Persaingan
 - Permintaan
 - Saiz Pasaran
 - Sasaran Pasaran
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
38. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan beberapa persoalan yang boleh dijawab apabila menyediakan rancangan perniagaan.

- Siapakah sasaran pasaran untuk produk kita?
- Berapa ramaikah pesaing dalam pasaran?
- Apakah strategi pemasaran yang paling sesuai untuk menarik pengguna?

Bahagian manakah dalam rancangan perniagaan dapat menjawab soalan-soalan berkenaan?

- Rancangan operasi
- Rancangan kewangan
- Rancangan pemasaran
- Rancangan pentadbiran

39. Maklumat berikut berkaitan dengan rancangan perniagaan.

Menyediakan spesifikasi tugas mengikut jawatan.

Apakah bahagian dalam rancangan perniagaan yang melibatkan perkara di atas?

- A. Ringkasan eksekutif
- B. Rancangan pemasaran
- C. Rancangan pentadbiran
- D. Rancangan kewangan

40. Mengapakah rancangan operasi penting dalam sesuatu rancangan perniagaan?

- A. Dapat menunjukkan pengagihan sumber tenaga kerja
- B. Memberikan gambaran aktiviti pengeluaran produk
- C. Dapat menjamin sumber bahan mentah digunakan secara optimum
- D. Menunjukkan jumlah jualan yang bakal dicapai oleh perniagaan

**SET 1:
KERTAS 2
(ARAS RENDAH)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

Bahagian A

[50 markah]

Jawab semua soalan.

1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan penjual dan pembeli? [2 markah]

(b) Pernyataan di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan

**KILANG MAKANAN RINGAN YAYA
SDN BHD**

(i) Nyatakan jenis organisasi di atas. [1 markah]

(ii) Jelaskan kepentingan keuntungan kepada jenis organisasi di (a) (i) [3 markah]

(c) Nyatakan empat komponen asas perniagaan. [4 markah]

2. (a) Berhubung dengan perancangan strategik, terangkan dengan memberi satu contoh.

i. Visi [3 markah]

ii. Misi [3 markah]

(b) Terangkan apa itu strategi pemasaran. [4markah]

3. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan En. Azman, pengusaha kilang keropok

Encik Azman adalah seorang pengusaha kilang keropok di Beserah, Kuantan. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong. Beliau mempunyai seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada mulanya, hasil jualan tahunan Kilang Keropok Encik Azman ialah sebanyak RM750000.

(a) Nyatakan klasifikasi perniagaan En.Azman mengikut saiz dan sektor [4 markah]

(b) Nyatakan dua kelebihan saiz perniagaan Encik Azman. [2 markah]

(c) Jelaskan jenis-jenis gaya pengurusan berikut:

i. Gaya pengurusan *laissez faire* [2 markah]

ii. Gaya pengurusan *autokratik* [2 markah]

4. (a) Nyatakan definisi pengurusan sumber manusia. [2 markah]
- (b) Berikan tiga (3) kepentingan pengurusan sumber manusia kepada organisasi perniagaan. [3 markah]
- (c) Senaraikan tiga (3) jenis kemahiran keboleherjaan. [3 markah]

(d)

Pecah amanah dan rasuah sering dilakukan oleh pekerja dalam sesebuah organisasi.

Jelaskan jenis kesalahan kakitangan dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]

5. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis sumber pembiayaan.

Laundry Clean Shop menghadapi masalah kekurangan tiga buah mesin pengering bernilai RM 20 000 untuk memenuhi permintaan pelanggan. Pihak syarikat mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai.

- i) Terangkan sumber pembiayaan yang digunakan oleh *Laundry Clean Shop*. [2 markah]
- ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di 5(a)(i). [4 markah]
- (b) Jelaskan fungsi pembiayaan overdraf kepada perniagaan. [4 markah]

6. (a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Mike

Encik Mike mengusaha ternakan lembu untuk pasaran tempatan. Beliau ingin meningkatkan usaha niaganya itu dengan menambahkan tanah seluas sepuluh ekar. Beliau memerlukan modal tambahan sebanyak RM25 000. Beliau ingin membuat pinjaman daripada Agro Bank.

- Terangkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan tiga ciri lokasi yang sesuai bagi cawangan bank [3 markah]
- (c) Nyatakan tiga kepentingan proforma aliran tunai kepada seorang peniaga runcit [3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

7. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan Encik Terry.

Nama perniagaan:	AT Farm Sdn. Bhd.
Bentuk perniagaan:	Sendirian Berhad
Aktiviti perniagaan:	Pelbagai variasi buah betik dan biji benih
Jumlah jualan pada tahun 2019:	RM 2.5 juta
Bilangan pekerja tetap:	10 orang
Modal berbayar:	RM250 000

- a) Nyatakan saiz perniagaan Encik Terry berdasarkan maklumat di atas. [1 markah]
- b) Jelaskan kelebihan perniagaan Encik Terry berdasarkan saiz perniagaan yang dinyatakan di 7(a). [7 markah]
- c) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Encik Terry apabila memilih saiz perniagaan tersebut. [7 markah]

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Analisis Nisbah Asas dua buah firma yang menjalankan perniagaan barangan sukan bagi tahun 2021.

	Firma A Mega Sport (RM)	Firma B B-One Sport (RM)
Kos Jualan	144,600	125,500
Untung Bersih	105,500	86,600
Modal Awal	198,800	184,400
Liabiliti Semasa	10,600	11,100
Aset Semasa	14,100	13,100

- (a) Firma manakah yang mencapai prestasi yang baik dalam perniagaan. Berikan alasan. [7 markah]
- (b) Cadangkan cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [8 markah]

9. Situasi di bawah menunjukkan seorang usahawan pemilik Syarikat Cuci-Cuci Enterprise yang mengeluarkan produk sabun pakaian berjenama “NgetopBersih”.

- Encik Kamarul bercadang untuk mengeluarkan produk sabun mencuci pakaian berasaskan isi kelapa sawit untuk kegunaan harian.
- Produk tersebut telah dijual di sekitar Jasin dan telah mendapat sambutan yang baik.
- Beliau juga bercadang meluaskan pasaran produk tersebut ke seluruh negeri Melaka dan juga secara dalam talian @ online.

Merujuk kepada situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan tiga sumber fizikal yang diperlukan oleh En. Kamarul [9 markah]
- (b) Jelaskan dua tujuan mengurus sumber fizikal. [2 markah]
- (c) Bagaimanakah prosedur mengurus sumber fizikal? [4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab semua soalan.

10. Encik Burhan mengusahakan kedai makan yang menjual mee laksa di Kota Samarahan dibantu oleh isterinya Puan Zakiah. Mee laksa mereka mendapat sambutan hangat daripada penduduk dan juga pekerja pejabat di kawasan berdekatan. Antara tarikan kedai makannya ialah dia menjual pelbagai jenis mee laksa iaitu mee laksa sarawak, mee laksa penang, mee laksa kedah, mee laksa Terengganu dan mee laksa johor. Seorang pelanggan tetapnya, Encik Wan berminat untuk menyumbangkan modal dan kepakaran. Beliau juga mencadangkan agar mereka mengusahakan penjualan perencah mee laksa secara besar-besaran.
- Idea ini telah mendorong Encik Burhan untuk membuat perubahan pada perniagaannya. Beliau hendak mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih mencabar. Beliau mula menetapkan sasaran untuk membawa produk mereka ke seluruh negara. Encik Burhan membina sebuah kilang kecil di belakang rumahnya untuk membungkus perencah mee laksa dengan menggunakan label “Perencah Mee Laksa Sedap”.
- Anak mereka, Aqash mencadangkan agar ayahnya membuat promosi yang agresif. Aqash juga telah Berjaya memperkenalkan “Perencah Mee Laksa Sedap” kepada kawan-kawannya. Usaha ini telah membuahkan kejayaan yang amat memberangsangkan. Lantaran itu, Encik Burhan ingin membesarkan lagi perusahaan kecilnya.
- Perkembangan perniagaan hanya boleh dilakukan dengan adanya wang modal yang mencukupi. Aqash membantu ibubapanya menyediakan Rancangan Perniagaan kerana dia sedar kepentingan dokumen ini. Mereka sepakat berikhtiar dan tidak akan berputus asa untuk mengejar kejayaan yang diimpikan selama ini untuk membawa “Perencah Mee Laksa Sedap” ke seluruh negara.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- | | | |
|----|---|------------|
| a) | Jelaskan jenis milikan perniagaan yang diusahakan oleh Encik Burhan di kampungnya. | [2 markah] |
| b) | Encik Burhan bersetuju dengan cadangan Encik Wan untuk mengusahakan penjualan perencah Mee Laksa. Huraikan milikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh mereka. | [4 markah] |
| c) | i. Mengapakah kejayaan Aqash menjadi pendorong kepada Encik Burhan untuk memperbesarkan lagi perniagaannya? | [4 markah] |
| | ii. Cadangkan cara terbaik yang boleh digunakan untuk memperkenalkan “Perencah Mee Laksa Sedap kepada masyarakat. | [4 markah] |
| d) | i. Nyatakan dua sifat usahawan selain daripada tidak berputus asa dalam pernyataan di atas. | [2 markah] |
| | ii. Sejauh manakah rancangan perniagaan dapat membantu perniagaan Encik Burhan untuk mencapai impiannya? | [4 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT

**SET 2:
KERTAS 2
(ARAS
SEDERHANA)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

Bahagian A

[50 markah]


Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Rajah 1 dan rajah 2 berikut berkaitan dengan 2 jenis perniagaan.

**Rajah 1: Peniaga A****Rajah 2 : Peniaga B**

- (a) Terangkan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh:
- i. Peniaga A [2 markah]
 - ii. Peniaga B [2 markah]
- (b) Terangkan tiga jenis rakan kongsi dalam sesuatu perniagaan perkongsian. [6 markah]

2. Rajah 3 menunjukkan keadaan di sebuah pasar.

**Rajah 3**

- (a) Terangkan **tiga** jenis pasaran yang wujud dalam sesebuah organisasi. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan perubahan yang berlaku dalam persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek pasaran. [4 markah]

3. (a) Sumber manusia merupakan antara faktor dalaman yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan. Nyatakan kelebihan dan kekurangan sumber manusia dalaman. [6 markah]
- (b) Situasi berikut berkaitan dengan gaya pengurusan Puan Salmah.

Puan Salmah merupakan seorang majikan di Syarikat Focus 2 Sdn. Bhd. Beliau memberi kebebasan kepada pekerja untuk membuat keputusan dalam tugas.

Jelaskan gaya pengurusan Puan Salmah untuk mengurus perniagaan beliau. [2 markah]

- (c) Apakah kesan gaya pengurusan autokratik terhadap persekitaran perniagaan? Beri alasan anda. [2 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan satu iklan jawatan kosong.

JAWATAN KOSONG

SUNRISE SDN BHD
NO.25, JALAN DATO MOHD MUSA
94300, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

Kami ingin menawarkan jawatan:

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

Kelayakan:

- Lelaki atau perempuan
- Memiliki Diploma dalam bidang pengurusan atau teknologi maklumat
- Mahir dalam penggunaan komputer dan perisian komputer
- 3 tahun pengalaman
- Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik (berdepan dengan pelanggan)
- Mampu memberikan komitmen terhadap tugas
-

Calon yang berminat sila e-mel *resume* kepada sunrise@gmail.com

[1 markah]

- (a) Terangkan tiga kemahiran keboleherjaan yang perlu ada pada calon yang memohon jawatan tersebut [6 markah]
- (b) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang berikut:
- i. Pemberian insentif yang munasabah [2 markah]
 - ii. Pemberhentian pekerja [2 markah]

5. Maklumat berikut menunjukkan sumber yang digunakan dalam sebuah syarikat pengeluaran kereta PERODUA.

Sumber X	Sumber Y
PERODUA telah mengambil langkah dengan mendirikan bangunan sendiri yang terletak di Rawang, Selangor.	PERODUA telah mempatenkan bentuk kereta bagi mengelakkannya ditiru.

- (a) Jelaskan perbezaan kedua-dua sumber tersebut. [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pembiayaan.

Kilang Kertas Lucky Star menghadapi masalah kekurangan tiga buah mesin memproses kertas yang bernilai RM 95 000. Pihak Syarikat mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai atau memajak daripada syarikat pajakan.

- i. Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Kilang Kertas Lucky Star? [1 markah]
- ii. Jelaskan kelebihan jenis pembiayaan di 5 (b) (i) [5 markah]

- 6 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan keperibadian seorang usahawan iaitu Encik Khairul Aming.



“Sambal Nyet” Khairul Aming cetus fenomena

Pada Januari 2021, Sambal Nyet yang dihasilkan oleh Khairul Aming telah mencetus fenomena. Sebanyak 10000 botol Sambal Nyet berjaya dijual dalam masa kurang daripada satu jam di aplikasi Shoppe. Namun, sebelum kejayaan yang dicapai beliau kini, Khairul Aming pernah gagal dan mengalami kerugian berpuluh ribu ringgit dan terpaksa memberhentikan pekerja-pekerjanya pada tahun 2017. Pada tahun 2018, beliau memulakan azam baru untuk mencapai impian menjual produk ciptaan sendiri iaitu sambal.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, terangkan ciri-ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Khairul Aming. [6 markah]
- (ii) Terangkan dua kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya. [4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis perniagaan perkongsian

MUTU WOODLAND PLT

Terangkan **empat** ciri-ciri perniagaan MUTU WOODLAND PLT.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi Negara A

Negara A mengalami suatu masalah ekonomi yang serius. Harga barang dan perkhidmatan di dalam Negara A menunjukkan penurunan secara berterusan untuk tempoh 3 tahun. Situasi ini telah menyebabkan perniagaan terjejas terutamanya perniagaan kecil dan sederhana kerana gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan yang ditetapkan.

[1 markah]

- i. Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara A?
- ii. Bagaimanakah cara kerajaan mengatasi masalah ekonomi di 7(b)(i)
- iii. Jelaskan implikasi kegagalan tersebut kepada peniaga kecil dan sederhana.

[6 markah]

[4 markah]

8. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Irtya.

Puan Irtya menguruskan perniagaan Grass Home yang menawarkan perkhidmatan memotong rumput untuk premis kediaman. Seorang rakannya, Puan Melor menawarkan diri untuk menjadi rakan kongsi tetapi Puan Irtya menolak. Dia lebih selesa dengan bentuk pemilikan perniagaan sedia ada.

Mengapakah Puan Irtya menolak tawaran Puan Melor?

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Cik Rosita.

Cik Rosita telah menamatkan pengajian dalam bidang kulinari dan dia ingin membuka sebuah kedai kek yang diberi nama Cik Rosita Bakeri. Cik Rosita telah menyewa sebuah kedai dan membeli peralatan seperti ketuhar pembakar, mesin pengadun kek, peti sejuk, peralatan, acuan kek, mesin juruwang, dulang pembakar dan rak.

- i. Apakah tiga jenis sumber fizikal yang perlu diuruskan oleh Cik Rosita Bakeri? [3 markah]
- ii. Terangkan prosedur menguruskan sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi perniagaan. [6 markah]

9. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Imman.

Encik Imman telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang automotif di sebuah kolej swasta di Malaysia. Dengan bantuan kewangan dan sokongan dari ahli keluarga dia telah membuka sebuah kedai yang diberi nama Kedai Servis Motor Imman. Encik Imman telah menyewa sebuah kedai dan membeli peralatan seperti alat menukar tayar, alat baiki motor, mesin juruwang dan stok-stok tayar. Oleh sebab minat yang mendalam dalam bidang yang dipelajarinya, dalam tempoh lima tahun dia berniat mengembangkan perniagaannya.

- i. Nyatakan **tiga** jenis sumber fizikal yang perlu diuruskan oleh Kedai Servis Motor Imman. [3 markah]
- ii. Terangkan prosedur menguruskan sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi perniagaan di atas. [6 markah]
- iii. Mengapakah Encik Imman perlu mengurus sumber fizikal yang ada dalam perniagaannya? [2 markah]
- iv. Jelaskan dua kelebihan dan dua kelemahan jenis pembiayaan yang digunakan oleh Encik Imman. [4 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

10.

Kedai Ayam Goreng Loya dimiliki oleh Puan Lorita dan Puan Yanie. Kedai ini menawarkan pelbagai perisa ayam goreng yang menarik sedang beroperasi di Miri. Bagi melancarkan urusan perniagaan, Pn Lorita menguruskan bahagian kewangan dan jualan sementara Pn Yanie menguruskan pembelian dan pengeluaran. Seorang pengurus diambil bagi menguruskan sumber manusia dan pemasaran bagi perniagaan tersebut. Selain itu, terdapat 6 orang pekerja yang berpengalaman dalam bidang merempah dan memasak ayam goreng. Selain itu, kedai ini juga turut menerima tempahan khas pelbagai perisa ayam goreng dan mendapat sambutan pelanggan di sekitar Sarawak.

Bahagian fungsian pengeluaran sangat teliti dalam membuat pemilihan bahan dan sentiasa memantau hasil kerja para pekerja mereka. Ini bagi memastikan ayam goreng di Kedai Ayam Goreng Loya akan sentiasa menjadi pilihan para pelanggannya. Bagi memastikan resipi ayam goreng keluaran Kedai Ayam Goreng Loya tidak dieksploitasi atau ditiru sewenang-wenangnya, Pn Lorita dan Pn Yanie telah mendaftar resipi mereka dengan MyIPO.



Memandangkan permintaan dan tempahan terhadap ayam goreng semakin meningkat, pihak pengurusan memerlukan tambahan modal dan pekerja bagi memastikan tempahan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Puan Lorita dan Puan Yanie bersetuju untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan dalam aspek pembiayaan bagi menampung kos operasi yang semakin bertambah

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan kelebihan pemilikan perniagaan Kedai Ayam Goreng Loya. [5 markah]
- (b) Lakarkan struktur organisasi yang sesuai bagi Kedai Ayam Goreng Loya [5 markah]
- (c) Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi dalam operasi perniagaan. [4 markah]
- (d) Selain daripada menawarkan pembiayaan, bincangkan dua peranan kerajaan dalam membantu usahawan tempatan. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**SET 3:
KERTAS 2
(ARAS TINGGI)**

**MODUL
SEMARAK
KASIH**

Bahagian A

[50 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja.

1. (a) Terangkan tujuan perniagaan menawarkan barang atau perkhidmatan ?
[4 markah]

- (b) Gambar 1 menunjukkan bentuk perniagaan lain yang terdapat di Malaysia




Gambar 1

- (i) Terangkan pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian urusniaga bentuk perniagaan di Gambar 1.
[4 markah]
- (ii) Berikan ciri-ciri umum bentuk perniagaan yang dinamakan dalam soalan 1 (b)(i)
[2 markah]
- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek ekonomi.

Fenomena A	Fenomena B
Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan	Kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan

- (i) Apakah Fenomena A dan Fenomena B.
[2 markah]
- (ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani masalah Fenomena B.
[4 markah]

(b) Rajah 1 menunjukkan graf kitaran ekonomi



Rajah 1

Jelaskan kitaran ekonomi yang berlaku pada fasa I dan fasa II [4 markah]

3. Gambar 2 di bawah menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi A

Organisasi B

Gambar 2

a) Apakah objektif organisasi A dan organisasi B? [2 markah]

Pernyataan di bawah merupakan petikan ucapan oleh Pengurus Operasi Suria Berhad dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

...wabak Covic -19 yang melanda seluruh dunia telah menggagalkan pencapaian matlamat dan objektif perniagaan kita secara keseluruhannya...

b) Terangkan **dua** kesan kepada perniagaan berdasarkan petikan ucapan di atas. [4 markah]

c) Senaraikan **empat** aspek penting yang digambarkan dalam carta organisasi. [4 markah]

4. a) Bagaimanakah Standard Prosedur Operasi (SOP) mampu membawa kesan positif kepada sesebuah pengurusan organisasi?

[4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi perniagaan.

Syarikat Seri Delima Sdn Bhd merupakan pembekal utama produk berasaskan kayu jati di negeri Sarawak. Syarikat mempunyai sebuah gudang yang berada di Kuching, Sarawak. Selain mendapatkan perlindungan insurans kebakaran dan kecurian, syarikat ini turut menyediakan alat pemadam api, pintu kecemasan dan laluan kecemasan di dalam gudang tersebut. Syarikat juga telah menetapkan jurutera teknikal syarikat untuk melaksanakan pemeriksaan dan penggantian komponen mesin setiap dua bulan selain membaiki segera sekiranya terdapat kerosakan.

- i) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal yang telah dipenuhi oleh Syarikat Seri Delima Sdn Bhd.

[4 markah]

- ii) Cadangkan satu insurans lain yang perlu dilanggan oleh Syarikat Seri Delima Sdn Bhd.

[2 markah]

5. a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Viani.

Encik Viani merupakan seorang kontraktor pembinaan jalan raya. Baru-baru ini, beliau telah mendapat kontrak untuk membina sebuah jalan raya sepanjang 10 kilometer. Untuk menyiapkan kontrak berkenaan dalam tempoh 12 bulan, beliau memerlukan beberapa traktor dan jentolak yang hanya akan digunakan dalam tempoh 12 bulan berkenaan.

Cadangkan satu jenis pembiayaan daripada bank dan institusi kewangan yang paling sesuai.

[6 markah]

- (b) Gambar 3 berkaitan dengan keputusan seorang usahawan.




Saya bercadang membuka satu cawangan restoran dengan menggunakan sumber dalaman dan bukan sumber pembiayaan luaran.

Apakah kelemahan jenis pembiayaan yang dicadangkan oleh usahawan tersebut?

[4 markah]

6. (a) Gambar 4 menunjukkan perkembangan perniagaan nasi kandar yang diusahakan oleh Pak Arif Wira.



Gambar 4

Ciri-ciri keusahawanan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pada Pak Arif Wira. Jelaskan jawapan anda. [6 markah]

- (b) Rajah berikut menunjukkan sejenis dokumen perniagaan.

Asal			
SYARIKAT VYES DIOR 463 Jalan Raja Bot 54100 Kuala Lumpur			
INVOIS			
Kepada:		Tarikh: 7 April 2009	
Syarikat Amira La Dolci 73 Jln. Mutiara Bendahara 45000 K. Selangor Selangor			
Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
50	Minyak wangi Rose	65.00	3 250.00
45	Kasut wangi Lily	70.00	3 150.00
75	Minyak wangi Jelita	50.00	3 750.00
			10 150.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		2 030.00
		Jumlah	8 120.00
(Ringgit : Lapan ribu satu ratus dua puluh sahaja)			
Syarat : 5 % 7 Hari			
Serahan: Angkutan dibayar			
K & K. D. K			
Amira		Yasmin	
.....		
Penerima		Pengurus	

Rajah 2

Pengurus Syarikat Amira La Dolci mendapati dua botol Minyak Wangi Jelita telah pecah semasa menerima pesanan barang tersebut.

Apakah dokumen yang perlu digunakan dalam menyelesaikan isu tersebut?

Berikan alasan anda.

[4 markah]

Bahagian B

[30 markah]


Jawab **dua** soalan sahaja

7. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Teguh Makmur Sdn Bhd merupakan sebuah perniagaan restoran makanan segera yang beribu pejabat di Miri, Sarawak. Syarikat ini menawarkan pelbagai jenis makanan di restorannya berkonsepkan makanan dan minuman tradisi Sarawak. Syarikat ini ditubuhkan dengan matlamat untuk mengembangkan perniagaannya ke seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah dalam tempoh sepuluh tahun dari tempoh penubuhannya. Dalam tempoh tiga tahun selepas beroperasi, Syarikat Teguh Makmur Sdn Bhd telah berjaya menubuhkan lima cawangan restoren di seluruh negeri Sarawak dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja untuk mengisi kekosongan jawatan.

- a) i. Cadangkan langkah terbaik yang boleh dipraktikkan oleh Syarikat Teguh Makmur Sdn Bhd untuk memastikan matlamat perniagaannya mampu dicapai. Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- ii. Sekiranya cadangan anda di a(i) berjaya direalisasikan, apakah skala perniagaan yang akan dinikmati oleh perniagaan ini? Jelaskan kelebihan skala perniagaan tersebut. [5 markah]
- b) Cadangkan jenis sumber manusia yang perlu ditawarkan oleh Syarikat Teguh Makmur Sdn Bhd untuk memenuhi kekosongan jawatan dalam perniagaannya. Berikan justifikasi anda [5 markah]

8. (a) Gambar 5 menunjukkan aktiviti yang dijalankan di dua buah bahagian fungsian.



Bahagian fungsian P



Bahagian fungsian Q

Gambar 5

- i. Jelaskan tujuan bahagian fungsian P. [2 markah]
- ii. Jelaskan hubungan antara kedua-dua bahagian fungsian tersebut. [6 markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan penggajian.

Encik Edward, Encik Alexander dan Puan Jenbee bekerja dengan Syarikat Q-Flooring Sdn Bhd. yang mengeluarkan pelbagai jenis Jubin lantai untuk pasaran tempatan. Encik Edward ialah jurujual syarikat berkenaan. Beliau dibayar sebanyak 10% daripada jumlah jualan yang dilakukannya. Encik Alexander pula bekerja di bahagian operasi dan beliau dibayar mengikut jumlah jam bekerja. Puan Jenbee ialah eksekutif kewangan syarikat dan beliau dibayar amaun tetap sebanyak RM4500 sebulan.

- i. Terangkan jenis penggajian bagi Encik Edward, Encik Alexander dan Puan Jenbee.. [6 markah]
- ii. Jelaskan faktor yang mempengaruhi sesebuah organisasi dalam menetapkan sistem penggajian. [3 markah]

9. (a) Maklumat berikut merupakan satu petikan penyata pendapatan yang disediakan oleh sebuah syarikat yang menjual perkakas elektrik.

Syarikat Mudajaya Sdn.Bhd.		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Jualan		101, 000
Tolak : Kos jualan		
Stok Awal	23, 000	
Tambah: Belian	58, 000	
	81, 000	
Tolak: Stok Akhir	14, 000	
X		67, 000
		Y
Tambah: Hasil Operasi		14, 000
		20, 000
Tolak: Belanja Operasi		7,900
		Z

Berdasarkan rajah di atas, jelaskan butiran **X**, **Y** dan **Z**.

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut menunjukkan nisbah keberuntungan tahun 2019 dan 2020 bagi perniagaan Percetakan Supreme Enterprise.

Jenis nisbah	2019	2020
Margin untung kasar	59 %	42 %

Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan kesimpulan yang dapat diperoleh mengenai perniagaan tersebut.

[3 markah]

- (c) Maklumat berikut dipetik daripada buku lejar Syarikat Jatimas Berhad bagi tahun 2020.

Butiran	Syarikat Jatimas Bhd (RM)
Inventori akhir	1,200
Tunai di bank	2,500
Akaun Belum Terima	900
Akaun Belum Bayar	2,300

- i. Kirakan nisbah semasa bagi syarikat tersebut. [3 markah]
- ii. Adakah Syarikat Jatimas Berhad menghadapi masalah kecairan dalam perniagaan bagi tahun 2020? Jelaskan jawapan anda. [3 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

10. KUALA LUMPUR: Lebih 40 peratus firma perniagaan memerlukan masa lebih dari enam bulan untuk memulihkan kembali operasi yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata walaupun pandemik ini berakhir kelak, negara bakal menyaksikan pengurangan kos, penurunan permintaan dan gangguan kepada rantaian bekalan.

Beliau berkata, ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada pasaran buruh dari segi permintaan jawatan yang lebih rendah berbanding penawaran buruh, dan memberi impak kepada kehidupan seharian.

"Tenaga buruh di Malaysia meningkat 1.7 peratus tahun ke tahun kepada 15.8 juta orang dengan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) sebanyak 0.1 mata peratus kepada 68.8 peratus. Kadar pengangguran meningkat dengan ketara kepada 3.9 peratus setelah kadar pengangguran bulanan pada 2018 hingga 2019 kekal stabil antara 3.2 hingga 3.4 peratus."

"Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai separuh kedua Mac telah memberi kesan kepada bilangan penganggur yang naik 16.2 peratus sepanjang bulan kepada 610,500 orang," katanya ketika membentangkan Sorotan Pasaran Buruh (LMR) hari ini.

Mohd Uzir berkata, pada suku pertama 2020, jumlah jawatan dalam sektor swasta yang terdiri daripada jawatan diisi dan kekosongan jawatan meningkat sebanyak 18,000 kepada 8.6 juta.

Beliau berkata, peristiwa luar jangka ini menyebabkan pekerja terdedah kepada risiko pemotongan gaji manakala pencari kerja dijangka berdepan masa yang mencabar untuk mendapatkan pekerjaan berikutan penyusutan permintaan buruh serta pengurangan jam bekerja.

Mohd Uzir berkata, dengan penggunaan teknologi, pekerja berpeluang untuk memperkukuh latihan dan kemahiran bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan.

Seterusnya, dalam jangka masa panjang beliau berkata, negara akan dapat menangani isu ketidaksepadanan pasaran buruh dengan mencipta lebih banyak pekerjaan mahir.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut :

- (a) Jelaskan kelebihan penggunaan teknologi dalam memulihkan semula operasi perniagaan. [2 markah]
- (b) Jelaskan 3 jenis pengangguran dan cara kerajaan mengatasinya. [6 markah]
- (c) i. Negara mengalami kesan deflasi akibat penularan pandemik COVID-19. Jelaskan kesan deflasi kepada rakyat. [2 markah]
- ii. Jelaskan peranan kerajaan dalam mengatasi masalah deflasi. [6 markah]
- (d) Dalam tempoh pemulihan ekonomi, organisasi perniagaan menggunakan sumber manusia dalaman untuk terus beroperasi. Jelaskan dua kelebihan dan dua kekurangan sumber manusia dalaman. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PANDUAN SKEMA JAWAPAN KERTAS 1

SET 1: ARAS RENDAH

No soalan	Jawapan	Markah
1	D	1 markah
2	C	1 markah
3	A	1 markah
4	D	1 markah
5	B	1 markah
6	A	1 markah
7	D	1 markah
8	B	1 markah
9	A	1 markah
10	C	1 markah
11	A	1 markah
12	C	1 markah
13	B	1 markah
14	D	1 markah
15	A	1 markah
16	A	1 markah
17	B	1 markah
18	B	1 markah
19	C	1 markah
20	C	1 markah
21	C	1 markah
22	C	1 markah
23	B	1 markah
24	C	1 markah
25	A	1 markah
26	D	1 markah
27	C	1 markah
28	A	1 markah
29	D	1 markah
30	C	1 markah
31	B	1 markah
32	C	1 markah
33	B	1 markah
34	B	1 markah
35	B	1 markah
36	C	1 markah
37	D	1 markah
38	D	1 markah
39	A	1 markah
40	C	1 markah

PANDUAN SKEMA JAWAPAN KERTAS 1**SET 2: ARAS SEDERHANA**

No soalan	Jawapan	Markah
1	C	1 markah
2	C	1 markah
3	D	1 markah
4	D	1 markah
5	A	1 markah
6	D	1 markah
7	A	1 markah
8	A	1 markah
9	C	1 markah
10	B	1 markah
11	D	1 markah
12	D	1 markah
13	C	1 markah
14	D	1 markah
15	C	1 markah
16	B	1 markah
17	B	1 markah
18	D	1 markah
19	B	1 markah
20	A	1 markah
21	C	1 markah
22	B	1 markah
23	D	1 markah
24	D	1 markah
25	B	1 markah
26	A	1 markah
27	D	1 markah
28	C	1 markah
29	B	1 markah
30	C	1 markah
31	D	1 markah
32	D	1 markah
33	B	1 markah
34	A	1 markah
35	C	1 markah
36	D	1 markah
37	A	1 markah
38	B	1 markah
39	B	1 markah
40	D	1 markah

PANDUAN SKEMA JAWAPAN KERTAS 1

SET 3: ARAS TINGGI

No soalan	Jawapan	Markah
1	C	1 markah
2	C	1 markah
3	D	1 markah
4	D	1 markah
5	A	1 markah
6	D	1 markah
7	A	1 markah
8	A	1 markah
9	C	1 markah
10	B	1 markah
11	D	1 markah
12	D	1 markah
13	C	1 markah
14	D	1 markah
15	C	1 markah
16	B	1 markah
17	B	1 markah
18	D	1 markah
19	B	1 markah
20	A	1 markah
21	C	1 markah
22	B	1 markah
23	D	1 markah
24	D	1 markah
25	B	1 markah
26	A	1 markah
27	D	1 markah
28	C	1 markah
29	B	1 markah
30	C	1 markah
31	D	1 markah
32	D	1 markah
33	B	1 markah
34	A	1 markah
35	C	1 markah
36	D	1 markah
37	A	1 markah
38	B	1 markah
39	B	1 markah
40	D	1 markah

PANDUAN SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

SET 1: ARAS RENDAH

Nombor Soalan	Jawapan	Pemarkahan
1 (a)	Maksud penjual dan pembeli: Penjual ialah individu yang menawarkan barang / perkhidmatan. Pembeli ialah pihak yang memerlukan / menghendaki barang / perkhidmatan tersebut.	1 1 Maksimum: 2M
1 (b) i	Organisasi berasaskan untung (OBU)	1 Maksimum: 1M
1 (b) ii	Kepentingan keuntungan kepada jenis organisasi di (a) (i) Menentukan hala tuju sesebuah perniagaan -mengukur tahap prestasi perniagaan -mengembangkan perniagaan -memastikan kelangsungan perniagaan -melambangkan imej perniagaan -memudahkan pemilik untuk menarik pelaburan baharu -menjalankan tanggungjawab sosial	1 1 1 1 1 1 Maksimum: 3M
1 (c)	Empat komponen asas perniagaan ialah : -Memuaskan kehendak dan keperluan pengguna -Pertukaran nilai -Kontrak perniagaan -Barang perniagaan -Penjual pembeli -Keuntungan perniagaan	1 1 1 1 1 1 Maksimum: 4M
2 (a) i	Visi - Menggariskan apa yang organisasi inginkan - Merupakan perspektif jangka Panjang dan fokusnya ialah masa hadapan - Merupakan sumber inspirasi bagi keseluruhan pekerja dalam organisasi untuk membuat keputusan dan Tindakan - Contoh visi sebuah syarikat pengeluar buku mungkin berbunyi ' Kami beraspirasi untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berpendidikan dan berpengetahuan tinggi'	1 1 1 1 Maksimum: 3M

Nombor Soalan	Jawapan	Pemarkahan
2 (a) ii	<p>Misi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memerihalkan dengan jelas tujuan atau matlamat utama organisasi [1m] - Menyatakan Tindakan yang akan diambil untuk mencapai visi [1m] - Pernyataan misi penting untuk memotivasikan ahli organisasi - Contoh misi bagi syarikat pengeluar buku mungkin berbunyi 'Kami akan berusaha berterusan untuk menjadi penerbit buku terulung dalam negara dan memenuhi permintaan semua lapisan masyarakat di Malaysia' [1m] 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maksimum: 3M</p>
2 (b)	<p>Strategi pemasaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Strategi pemasaran merujuk kepada kaedah pemasaran mengenalpasti golongan pengguna tertentu dan menumpukan usaha-usaha pemasaran untuk memuaskan keperluan dan kehendak golongan berkenaan [1m] - Strategi pemasaran dapat dibahagikan kepada dua elemen utama, iaitu sasaran pasaran dan campuran pemasaran [1m] - Sasaran pasaran merujuk kepada kumpulan pengguna yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti cita rasa, cara hidup, tahap pendapatan dan sebagainya yang berpotensi untuk membeli produk yang dikeluarkan oleh organisasi [1m] - Campuran pemasaran merujuk kepada kombinasi empat unsur utama, iaitu keluaran, harga, pengagihan dan promosi [1m] yang digunakan oleh pemasar untuk memuaskan keperluan dan kehendak sasaran pasaran [1m] 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maksimum: 4M</p>
3 (a)	<p>Klasifikasi perniagaan En. Azman mengikut saiz dan sektor:</p> <p>H1 - Saiz perniagaan kecil</p> <p>H1a - mengaji seramai 15 orang pekerja dan hasil jualan tahunan sebanyak RM750 000.</p> <p>H2 – Sektor kedua/sekunder</p> <p>H2a – Perkilangan/ kilang keropok</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maksimum: 4M</p>

Nombor Soalan	Jawapan	Pemarkahan
3 (b)	Dua kelebihan saiz perniagaan Encik Azman F1- Kos overhead rendah F2- Fleksibel F3- Kos upah lebih rendah F4- menyelesaikan masalah pelanggan dengan cepat kerana kurang birokrasi.	1 1 1 1 Maksimum: 2M
3 (c) i	Gaya pengurusan Laissez-faire H1- majikan terlalu memberi ruang atau kebebasan kepada pekerja. H2 – wujud masalah tingkahlaku pekerja yang sukar dikawal H3 - Organisasi gagal mencapai matlamat ditetapkan	1 1 1 Maksimum: 2M
3 (c) ii	Gaya pengurusan autokratik H1- majikan tegas dalam mencapai matlamat organisasi. H2- boleh menimbulkan ketidakpuasan hati pekerja.	1 1 Maksimum: 2M
4 (a)	Definisi pengurusan sumber manusia ialah: F1 Satu usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi F2 untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga pekerja yang berprestasi tinggi.	1 1 Maksimum: 2M
4 (b)	Kepentingan pengurusan sumber manusia kepada organisasi perniagaan ialah: F1 Sumber manusia sentiasa mencukupi. F2 Sumber manusia diberi latihan yang cukup dan terkini. F3 Pengagihan sumber manusia secara berkesan. F4 Kebajikan pekerja sentiasa dijaga. F5 Prestasi sumber manusia sentiasa dipantau. F6 Tahap motivasi pekerja sentiasa dikekalkan / tinggi.	1 1 1 1 1 1 Maksimum: 3M
4 (c)	Kemahiran keboleherjaan F1 Kemahiran berkomunikasi F2 Kerja berpasukan F3 Penyelesaian masalah F4 Inisiatif dan keusahawanan F5 Perancangan dan pengurusan diri	1 1 1 1 1

Nombor Soalan	Jawapan	Pemarkahan
	F6 Penggunaan teknologi terkini F7 Keupayaan pembelajaran	1 1 Maksimum: 3M
4 (d)	Jenis kesalahan kakitangan dalam sesebuah perniagaan F1 Tidak beretika F2 Ingkar arahan tanpa sebab kukuh F3 Ponteng kerja F4 Salah guna aset syarikat.	1 1 1 1 Maksimum: 2M
5 (a) i	Sumber pembiayaan yang digunakan: F1 Sumber pembiayaan dalaman H1 Simpanan peribadi / wang tunai sendiri	1 1 Maksimum: 2M
5 (a) ii	Kelebihan sumber pembiayaan dalaman: H1 Cepat H2 Ringkas H3 Tidak perlu mengisi borang permohonan pembiayaan H4 Tidak melibatkan kos/faedah atas pinjaman	1 1 1 1 Maksimum: 4M
5 (b)	Fungsi pembiayaan overdraf kepada perniagaan: H1 Kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan untuk pemegang akaun semasa. H2 Peniaga boleh mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanan mereka. H3 Mengikut had yang ditetapkan oleh pihak bank. H4 Dikenakan faedah atas jumlah overdraf yang digunakan. H5 Sesuai kepada usahawan yang kurang pasti tentang jumlah, masa dan tempoh pembiayaan yang diperlukan.	1 1 1 1 1 Maksimum: 4M
6 (a)	Prosedur mendapatkan sumber pembiayaan tersebut 1. Menyediakan rancangan perniagaan 2. Mendapatkan khidmat nasihat kewangan 3. Membuat permohonan 4. Pembiayaan diluluskan	1 1 1 1 Maksimum: 4M
6 (b)	Ciri lokasi yang sesuai bagi sebuah cawangan bank - Tempat menjadi tumpuan orang ramai seperti kawasan tengah bandar - Terdapat kemudahan infrastruktur seperti kemudahan telekomunikasi - Berhampiran dengan pusat pusat perniagaan	1 1 1 Maksimum: 3M

Nombor Soalan	Jawapan	Pemarkahan
6 (c)	<p>Kepentingan penyata aliran tunai kepada peniaga runcit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dapat membuat jangkaan kedudukan wang tunai pada satu tempoh masa tertentu, contohnya dua hingga tiga bulan - Membantu membuat anggaran penerimaan wang tunai daripada pelanggan dan pembayaran wang tunai kepada pembekal dalam tempoh tertentu - Dapat menilai dan merancang keperluan tunai perniagaan untuk tempoh tertentu. 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maksimum: 3M</p>
7 (a)	<p>Saiz perniagaan Encik Terry</p> <p>F1 Bersaiz kecil</p>	<p>1</p> <p>Maksimum: 1M</p>
7 (b)	<p>Kelebihan perniagaan Encik Terry</p> <p>H1 Kos overhead yang rendah</p> <p>H2 Cepat menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan</p> <p>H3 Kurang menghadapi birokrasi</p> <p>H4 Fleksibel dalam perniagaan</p> <p>H5 Mudah membuat keputusan perniagaan</p> <p>H6 Kos upah yang lebih rendah</p> <p>H7 Merupakan pekerja sambilan / dibayar gaji minimum</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maksimum: 7M</p>
7 (c)	<p>Cabaran yang dihadapi oleh Encik Terry apabila memilih saiz perniagaan tersebut</p> <p>F1 Masalah aliran tunai</p> <p>H1 Pelanggan lambat menjelaskan hutang</p> <p>F2 Bebanan kerja</p> <p>H2 Tiada pengkhususan kerja / keputusan dilakukan sendiri oleh pemilik</p> <p>F3 Mengekalkan pelanggan lama / mendapatkan pelanggan baharu</p> <p>H3 Perlu membuat strategi yang baik bagi mendapat pelanggan baharu</p> <p>F4 Memotivasikan pekerja</p> <p>H4 Memastikan pekerja gembira / persekitaran kerja yang kondusif</p> <p>F5 Kos overhead yang tinggi</p> <p>H5 Sukar mendapat bantuan kewangan daripada pelbagai agensi / institusi kewangan</p>	<p>1</p> <p>Maksimum: 7M</p>

Nombor Soalan	Jawapan			Pemarkahan																
